

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

1. Apakah rancangan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan terhadap Bangunan Muzium Negeri di Jalan Macalister selepas Muzium Negeri pindah semula ke Lebuhraya Light?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP) telah merancang hala tuju LMNPP 2023-2025 bagi pelaksanaan aktiviti/program di Bangunan Muzium Negeri, Jalan Macalister. Perancangannya adalah seperti berikut :

**Tahun 2024**

**i. Pameran Mentari Terbit di Pulau Pinang**

Pameran Mentari Terbit di Pulau Pinang sedang berlangsung bermula pada 3 Februari 2024 sehingga 30 Jun 2024 di Bangunan Muzium Negeri, Jalan Macalister.

**ii. Pameran Jelajah Karya Kertas : Seni Mata Wang**

LMNPP dengan kerjasama Muzium & Galeri Seni Bank Negara Malaysia telah merancang untuk mengadakan Pameran Jelajah Karya Kertas : Seni Mata Wang di Bangunan Muzium Negeri Jalan Macalister pada bulan Jun/Julai 2024 sehingga Januari 2025

iii. **Pameran Tekstil**

Pameran Tekstil dijangka diadakan di Bangunan Muzium Negeri Jalan Macalister pada tahun 2024/2025.

iv. **Restorasi Kuarters**

Ruang Kuarters di Bangunan Muzium Negeri Jalan Macalister akan direstorasi bermula tahun 2024 sehingga tahun 2025.

**Tahun 2025**

i. **Projek Studio Konservasi**

Kesinambungan daripada Projek Restorasi Kuarters, Unit Pembangunan akan mengelolakan pembinaan Studio Konservasi.

ii. **Bengkel Taksidermi II**

Kesinambungan daripada Bengkel Taksidermi 2023, Bengkel Taksidermi II akan diadakan di Bangunan Muzium Negeri Jalan Macalister.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

2. Memandangkan kos pembaikan rumah warisan agak tinggi kerana material yang digunakan terutamanya kayu, adakah Kerajaan Negeri mempertimbangkan supaya lantai papan boleh digantikan dengan material lain yang lebih tahan dan kos mampu milik dengan syarat tidak menjejaskan nilai warisan?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Bahan binaan bangunan warisan merupakan atribut yang menyumbang kepada Nilai Keunggulan Sejagat (Outstanding Universal Values - OUV) Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Dengan menggantikan bahan binaan kayu sedia ada kepada bahan binaan lain yang lebih tahan dan mampu milik berupaya menjejaskan OUV tapak. Sekiranya OUV tapak terjejas ianya secara tidak langsung boleh menyebabkan status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia ditarik balik.

Keaslian bahan binaan juga merupakan aspek yang paling utama dalam pemuliharaan bangunan warisan seperti yang digariskan di dalam Peraturan Untuk Kawasan Pemuliharaan dan Bangunan-bangunan Warisan 2008 oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan 2017 oleh Jabatan Warisan Negara.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

3. Pada tahun 2022, sebahagian jalan di Lebuh Campbell telah dilebarkan supaya kedua-dua belah jalan boleh dilukis petak letak kenderaan. Projek ini mendapat sambutan baik oleh peniaga tempatan mahupun pengunjung. Bilakah MBPP akan menjalankan pelebaran jalan di lain-lain bahagian Lebuh Campbell?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mempunyai perancangan untuk melebarkan sebahagian Lebuh Campbell (Lebuh Cintra – Jalan Pintal Tali) bagi menambah bilangan tempat letak kereta di kawasan tersebut. Kerja-kerja pelebaran jalan ini akan dilaksanakan pada hujung bulan Mei 2024 dan dijangka siap pada bulan Oktober 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

4. Orang ramai kerap mengadu bahawa projek Kerajaan Negeri selalunya akan mengambil masa lebih daripada tempoh yang ditetapkan dengan pelbagai alasan.
- (a) Nyatakan sebab-sebab yang menyebabkan berlakunya isu kelewatan projek.
  - (b) Jelaskan langkah-langkah yang bakal diambil untuk mengelakkan kelewatan projek berlaku.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Pengurusan projek bermula daripada fasa perancangan hingga ke penyiapan projek dibuat dengan penuh rapi bagi memastikan objektif pelaksanaan sesuatu projek dicapai untuk manfaat rakyat. Namun, aspek kelewatan projek merupakan satu perkara yang di luar jangka dan jabatan pelaksana mengambil tindakan sewajarnya dari semasa ke semasa bagi mengatasi kelewatan tersebut.
- (a) Antara sebab yang boleh menyebabkan kelewatan adalah seperti berikut:
    - (i) Keperluan pengalihan jajaran kabel atau paip utiliti bawah tanah yang melibatkan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Perbadanan Bekalan Air (PBA), syarikat telekomunikasi dan sebagainya;
    - (ii) Bekalan bahan binaan yang mengalami isu logistik dan mengalami kelewatan untuk sampai di tapak projek;

- (iii) Kekurangan tenaga kerja di tapak berbanding keperluan sebenar yang dirancang pada satu masa yang menyebabkan produktiviti menurun;
  - (iv) Kordinasi yang lemah dan tidak efisien dalam kalangan pasukan projek sama ada antara kontraktor utama dengan subkontraktor, perunding dan pekerja bawahan yang menyebabkan sasaran aktiviti tidak dapat dicapai;
  - (v) Pencerobohan kawasan dan kecurian bahan binaan sama ada pada peringkat kerja awalan atau yang telah siap dipasang; dan
  - (vi) Kemalangan yang berlaku di tapak terutama melibatkan kehilangan nyawa yang menyebabkan tapak projek ditutup.
- (b) Antara langkah yang diambil untuk mengelakkan kelewatan projek adalah seperti berikut:
- (i) Menggunakan platform Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri untuk membincangkan pengurusan projek yang memerlukan kerjasama pelbagai pihak seperti jabatan kerajaan dan syarikat utiliti;
  - (ii) Menginstitusikan pengurusan risiko projek untuk memastikan paras risiko dan ketidaktentuan diurus dengan berkesan supaya projek disiapkan dengan sempurna;
  - (iii) Meningkatkan pemantauan berkala oleh pengurus projek untuk memastikan kemajuan aktiviti projek berjalan mengikut apa yang dirancang;
  - (iv) Mengadakan sesi libat urus bersama komuniti dan pihak berkepentingan sebelum pelaksanaan projek; dan

- (v) Perbincangan bersama jabatan kerajaan dan syarikat utiliti diselesaikan dan dipersetujui terlebih dahulu sebelum melaksanakan projek.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

5. Senaraikan skim strata yang belum menubuhkan Perbadanan Pengurusan (MC).
- (a) Jelaskan strategi Pesuruhjaya Bangunan (COB) untuk menangani isu ini.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Senarai skim strata yang belum menubuhkan Perbadanan Pengurusan (MC) di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (a) Bagi menangani isu skim strata yang masih belum menubuhkan MC, Kerajaan Negeri melalui Pesuruhjaya Bangunan (COB), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil strategi dan langkah-langkah seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan surat kepada semua pemilik berdaftar untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) bagi tujuan pelantikan ahli jawatankuasa (AJK) MC;
- (ii) Sekiranya jabatan gagal mendapatkan mana-mana pemilik petak untuk mengadakan EGM, COB boleh melantik mana-mana ejen pengurusan yang berdaftar untuk mengurus dan menyelenggara harta bersama bagi



tempoh satu (1) tahun atau sehingga terbentuknya AJK MC mengikut yang mana lebih awal;

- (iii) Pihak COB akan menganjurkan Program Seminar Pengurusan Strata dan Program Celik Strata setiap tahun kepada pemilik berdaftar yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan dan pengurusan strata di bawah COB, PBT; dan
- (iv) Mengadakan Anugerah Apresiasi Strata bagi memberikan pengiktirafan kepada MC yang cemerlang.

**LAMPIRAN A****SENARAI SKIM STRATA YANG BELUM MENUBUHKAN PERBADANAN  
PENGURUSAN (MC) DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA  
PULAU PINANG (MBPP)**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
1	TAMAN SRI IDAMAN LOT 1744 G 17971	DBD
2	KASTELLA COURT	DBD
3	RESERVOIR APARTMENT	DBD
4	MAYANG PASIR - FASA 2	DBD
5	MAYANG PASIR - FASA 1	DBD
6	SOLOK SG ARA	DBD
7	MAYANG PASIR - FASA 3	DBD
8	MAYANG PASIR - FASA 4	DBD
9	MAYANG PASIR - FASA 5	DBD
10	PERSIARAN MAYANG PASIR - BLOK 7	DBD
11	PERSIARAN MAYANG PASIR 5 - BLOK 4/2	DBD
12	RUMAH BANDAR TAMAN TUNAS MUDA LOT 10021 GT 60989	DBD
13	RUMAH BANDAR TAMAN TUNAS MUDA LOT 10022 GT 60990	DBD
14	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10638 HS(D) 9361 G 63036	DBD
15	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10639 G 63096	DBD
16	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10640 G 63097	DBD
17	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10641 G 63098	DBD
18	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10642 G 63099	DBD
19	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10643 G 63100	DBD
20	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10644 G 63101	DBD
21	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10645 G 63102	DBD
22	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10646 G 63103	DBD
23	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10647 G 63104	DBD
24	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10648 G 63105	DBD
25	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10649 G 63106	DBD
26	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10650 G 63107	DBD
27	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10651 G 63108	DBD
28	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10652 G 63109	DBD
29	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10653 G 63110	DBD
30	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10654 G 63111	DBD
31	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10655 G 63112	DBD
32	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10656 G 63113	DBD
33	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10657 G 63114	DBD
34	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10658 G 63115	DBD
35	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10659 G 63116	DBD
36	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10660 G 63117	DBD
37	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10661 G 63118	DBD
38	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10662 G 63121	DBD
39	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10663 G 63123	DBD
40	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10664 G 63126	DBD
41	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10665 G 63127	DBD

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
42	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10666 G 63131	DBD
43	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10667 G 63133	DBD
44	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10668 G 63137	DBD
45	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10669 G 63140	DBD
46	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10670 G 63143	DBD
47	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10671 G 63145	DBD
48	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10672 G 63148	DBD
49	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10673 G 63150	DBD
50	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10674 G 63151	DBD
51	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10675 G 63152	DBD
52	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10676 G 63153	DBD
53	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10677 G 63154	DBD
54	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10678 G 63155	DBD
55	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10679 G 63156	DBD
56	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10680 G 63157	DBD
57	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10681 G 63158	DBD
58	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10682 G 63159	DBD
59	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10683 G 63160	DBD
60	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10684 G 63161	DBD
61	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10685 G 63162	DBD
62	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10686 G 63163	DBD
63	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10687 G 63164	DBD
64	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10688 G 63165	DBD
65	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10689 G 63166	DBD
66	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10690 G 63167	DBD
67	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10691 GT 63168	DBD
68	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10692 GT 68736	DBD
69	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10693 GT 68737	DBD
70	DESARAI TOWNHOUSE LOT 10694 GT 68738	DBD
71	DESARIA TOWMHOUSE LOT 10695 GT 68739	DBD
72	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10696 GT 68740	DBD
73	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10697 GT 68741	DBD
74	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10698 GT 68742	DBD
75	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10699 GT 68743	DBD
76	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10700 GT 68744	DBD
77	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10701 GT 68745	DBD
78	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10702 GT 68746	DBD
79	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10703 GT 68747	DBD
80	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10704 GT 68748	DBD
81	DESARIA HOLDING SDN. BHD. LOT 10705 GT 68749	DBD
82	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10706 GT 68750	DBD
83	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10707 GT 68751	DBD
84	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10708 GT 68752	DBD
85	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10709 GT 68753	DBD
86	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10710 GT 68754	DBD
87	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10711 GT 68755	DBD
88	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10712 GT 68756	DBD

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
89	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10713 GT 68757	DBD
90	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10714 GT 68758	DBD
91	DESARIA TOWNHOUSE LOT 10715 GT 68759	DBD
92	RUMAH KLASTER PERMATANG DAMAR LAUT LOT 12128 PM 103	DBD
93	RUMAH KLASTER PERMATANG DAMAR LAUT LOT 12130 PM 105	DBD
94	RUMAH KLASTER PERMATANG DAMAR LAUT LOT 12127 PM 102	DBD
95	DESA WANGSA BLOK A - I	DBD
96	DESA WANGSA BLOK J/K	DBD
97	PILIHAN TETAP - LOT 9237	DBD
98	PILIHAN TETAP - LOT 9238	DBD
99	PILIHAN TETAP - LOT 9240	DBD
100	PILIHAN TETAP - LOT 9247	DBD
101	TAMAN SRI INDAH LOT 1859 GT 63751	DBD
102	TAMAN SRI INDAH LOT 1858 GT 63750	DBD
103	PANGSAPURI ARAMAS	DBD
104	TAMAN MUHIBBAH	DBD
105	SOUTHBAY RUMAH PANGSA (LC)	DBD
106	TAMAN INDAH BLOK 3, 5 & 7	DBD
107	TAMAN INDAH BLOK 4 & 6	DBD
108	DESA JELITA BLOK A	DBD
109	DESA JELITA BLOK B	DBD
110	DESA JELITA BLOK C	DBD
111	DESA JELITA BLOK D	DBD
112	KENARI AVENUE	DBD
113	TUNAS RESIDENSI	DBD
114	DESA ARA MARKET	DBD
115	SRI SUNGAI BATU	DBD
116	TAMAN SUNGAI BATU	DBD
117	PANGSAPURI GARUDA	DBD
118	PANGSAPURI SRI ABADI BLOK A/B	DBD
119	MUTIARA PERDANA BLOCK ASOKA & AKASIA	DBD
120	WISMA LOT 4319	DBD
121	TAMAN VANILLA	DBD
122	TAMAN SRI KUMBAR	DBD
123	PERBADANAN PENGURUSAN TAIMIMA - LOT 4323	DBD
124	PERBADANAN PENGURUSAN TAIMIMA - LOT 4322	DBD
125	PERBADANAN PENGURUSAN TAIMIMA - LOT 4321	DBD
126	PERBADANAN PENGURUSAN TAIMIMA - LOT 4320	DBD
127	PERBADANAN PENGURUSAN TAIMIMA - LOT 4319	DBD
128	PERBADANAN PENGURUSAN TAIMIMA - LOT 4318	DBD
129	PERBADANAN PENGURUSAN TAIMIMA - LOT 4317	DBD
130	PERBADANAN PENGURUSAN TAIMIMA - LOT 4316	DBD
131	PERBADANAN PENGURUSAN TAIMIMA - LOT 4315	DBD
132	TAMAN PISANG AWAK LOT 2281	DTL
133	KIMPO COURT	DTL
134	TAMAN KOPERASI BLOK 48	DTL
135	TAMAN KOPERASI BLOK 58 & 60	DTL

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
136	TAMAN KOPERASI BLOK 50, 52, 54 & 56	DTL
137	TAMAN CONTINENTAL	DTL
138	CHUAN LEW MANSION	DTL
139	RUMAH PANGSA TAMAN PEKAKA	DTL
140	TAMAN BUKIT JAMBUL - BLOK A, B, & C	DTL
141	HALAMAN SENTOSA	DTL
142	TAMAN PERMAI 6 LOT 9155 G 52416	DTL
143	TAMAN PERMAI 6 LOT 9156 G 52417	DTL
144	TAMAN PERMAI 6 LOT 9157 G 52287	DTL
145	TAMAN PERMAI 6 LOT 8837 G 45296	DTL
146	TAMAN PERMAI 6 LOT 9158 G 52513	DTL
147	TAMAN PERMAI 6 LOT 9154 G 52415	DTL
148	BAYAN POINT A, B & C	DTL
149	NIPAH PAVILLION	DTL
150	MINDEN GARDEN	DTL
151	VILARIS @ THE SANCTUARY	DTL
152	MIDDLETON	DTL
153	TAMAN PINANG - BLOK A	DTL
154	TAMAN PINANG - BLOK B	DTL
155	TAMAN PINANG - BLOK C	DTL
156	LEAN WAH FLAT	DTL
157	SILVER SQUARE 1396	DTL
158	SILVER SQUARE 1397	DTL
159	SILVER SQUARE 1398	DTL
160	SILVER SQUARE 1399	DTL
161	RUMAH PANGSA KAMPAR MANSION BLOK 104	DTL
162	WISMA BAN HOE	DTL
163	TAMAN ROMBAS	DTL
164	KIMSAR APARTMENT	DTL
165	TAMAN KAMPAR	DTL
166	TAMAN SIN CHOR CHIT	DTL
167	RAWANG COURT	DTL
168	TAMAN WANGI	DTL
169	BB APARTMENT	DTL
170	TAMAN SAWANG	DTL
171	WAH GIAP APARTMENT	DTL
172	LOT 948	DTL
173	LOT 949	DTL
174	WISMA BAHAROL ALAM	DTL
175	MEDAN YORK	DTL
176	TAMAN BATU BUKIT BLOK 10/12	DTL
177	TAMAN BATU BUKIT LOT 1384 G 15735	DTL
178	TAMAN BATU BUKIT LOT 1383 G 15734	DTL
179	TAMAN BATU BUKIT BLOK 14	DTL
180	LAHAT VILLA	DTL
181	WISMA SIEW KEE	DTL
182	WISMA CENTRAL	DTL

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
183	DUNLOP CLOSE	DTL
184	WISMA SERATUS TAHUN	DTL
185	TUNG HING BUILDING	DTL
186	BANGUNAN WISMA CHUAN BEE	DTL
187	ACCTAX CORPORATE CENTRE	DTL
188	WESTLANDS COURT	DTL
189	JALAN TENGAH - BLOK 1	DTL
190	JALAN TENGAH - BLOK 9	DTL
191	JALAN MAYANGPASIR - BLOK 72	DTL
192	LEBUH MAHSURI 1 - BLOK 15	DTL
193	LEBUH MAHSURI - BLOK 17	DTL
194	LEBUH MAHSURI - BLOK 11	DTL
195	LEBUH MAHSURI - BLOK 9	DTL
196	LEBUH MAHSURI - BLOK 5	DTL
197	JALAN TENGAH - BLOK 2	DTL
198	JALAN TENGAH - BLOK 3	DTL
199	JALAN TENGAH - BLOK 4	DTL
200	JALAN TENGAH - BLOK 5	DTL
201	JALAN TENGAH - BLOK 6	DTL
202	JALAN TENGAH - BLOK 7	DTL
203	JALAN TENGAH - BLOK 8	DTL
204	JALAN TENGAH - BLOK 10	DTL
205	JALAN TENGAH - BLOK 70	DTL
206	JALAN TENGAH - BLOK 74	DTL
207	JALAN TENGAH - BLOK 76	DTL
208	JALAN TENGAH - BLOK 78	DTL
209	JALAN TENGAH - BLOK 80	DTL
210	JALAN TENGAH - BLOK 82	DTL
211	SOLOK MAHSURI 3 - BLOK 1	DTL
212	SOLOK MAHSURI - FASA 3 (BLOK 3)	DTL
213	LEBUH MAHSURI - BLOK 3	DTL
214	LEBUH MAHSURI - BLOK 7	DTL
215	LEBUH MAHSURI - BLOK 1	DTL
216	LENGKOK MAHSURI - BLOK 14	DTL
217	LENGKOK MAHSURI - BLOK 10	DTL
218	LENGKOK MAHSURI - BLOK 8	DTL
219	LENGKOK MAHSURI - BLOK 7	DTL
220	LENGKOK MAHSURI - BLOK 5	DTL
221	LENGKOK MAHSURI - BLOK 3	DTL
222	LENGKOK MAHSURI - BLOK 1	DTL
223	LENGKOK MAHSURI - BLOK 2	DTL
224	LENGKOK MAHSURI - BLOK 4	DTL
225	LENGKOK MAHSURI - BLOK 6	DTL
226	LENGKOK MAHSURI - BLOK 12	DTL
227	LORONG MAHSURI - BLOK J	DTL
228	LORONG MAHSURI - BLOK L	DTL
229	LORONG MAHSURI - BLOK H	DTL

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
230	LORONG MAHSURI - BLOK G	DTL
231	LORONG MAHSURI - BLOK F	DTL
232	SRI NIAGA	DTL
233	PANGSAPURI SERI MELUR	DTL
234	LOT 2329	DTL
235	KRYSTAL POINT CORPORATE PART	DTL
236	TERRACE PLUS	DTL
237	KEDAI PEJABAT SERI ANGGUN	DTL
238	TAMAN GREEN FIELD 301 & 302	DTL
239	TAMAN KIM	DTL
240	RUMAH PANGSA LIVING 1	DTL
241	RUMAH PANGSA LIVING 2	DTL
242	RUMAH PANGSA LIVING 3	DTL
243	RUMAH PANGSA LIVING 4	DTL
244	RUMAH PANGSA LIVING 5	DTL
245	RUMAH PANGSA LIVING 6	DTL
246	RUMAH PANGSA LIVING - BLOK 7	DTL
247	RUMAH PANGSA LIVING - BLOK 8	DTL
248	DESA RAHMAT LOT 9635 GM HBM 73	DTL
249	DESA RAHMAT LOT 9636 GM HBM 74	DTL
250	DESA RAHMAT LOT 9637 GM HBM 75	DTL
251	DESA RAHMAT LOT 9638 GM HBM 76	DTL
252	DESA RAHMAT LOT 9639 GM HBM 77	DTL
253	DESA RAHMAT LOT 9640 GM HBM 78	DTL
254	DESA RAHMAT LOT 9641 GM HBM 79	DTL
255	DESA RAHMAT LOT 9642 GM HBM 80	DTL
256	DESA RAHMAT LOT 9632 GM 2455	DTL
257	HALAMAN EMAS - 17	DTL
258	HALAMAN EMAS - 19	DTL
259	HALAMAN EMAS - 21	DTL
260	HALAMAN EMAS LOT 1054	DTL
261	GURNEY VALLEY	DTL
262	LOT 1988	DTL
263	WISMA KEBUN NYIUR	DTL
264	KEBUN NYIOR COURT	DTL
265	ASAS CENTRE - 7M	DTL
266	ASAS CENTRE - 7L	DTL
267	ASAS CENTRE - 7K	DTL
268	ASAS CENTRE - 7J	DTL
269	ASAS CENTRE - 7	DTL
270	ASAS CENTRE - 7H	DTL
271	ASAS CENTRE - 7F	DTL
272	ASAS CENTRE - 7A	DTL
273	LOT 1163	DTL
274	ASCOT	DTL
275	RUMAHKEDAI LOT 2029	DTL
276	RUMAHKEDAI LOT 2032	DTL

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
277	WISMA LEE CHUAN LIEW	DTL
278	LOT 1575	DTL
279	WISMA WANG	DTL
280	WISMA SOON (PREMIER CENTRE)	DTL
281	FLAT PATANI ROAD	DTL
282	JELUTONG INDAH	DTL
283	WISMA PERAK - BLOK D	DTL
284	WISMA PERAK - BLOK C	DTL
285	WISMA PERAK - BLOK B	DTL
286	WISMA PERAK - BLOK A	DTL
287	LOT 841	DTL
288	RUMAH PANGSA KADIR LIT	DTL
289	TAMAN LITA	DTL
290	TAMAN PANTAI TANJUNG	DTL
291	WISMA HOOI LAM	DTL
292	SUMMIT INN FLATS	DTL
293	TANJUNG INDAH - BLOK 565	DTL
294	LOT 4009	DTL
295	DESA MARINA (MC & SHOPLOTS)	DTL
296	DESA MARINA (BLOK 3A & 3B)	DTL
297	PUNCAK PINANG	DTL



**LAMPIRAN B****SENARAI SKIM STRATA YANG BELUM MENUBUHKAN PERBADANAN  
PENGURUSAN (MC) DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA  
SEBERANG PERAI (MBSP)**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
1	R/PANGSA KOS RENDAH WIDURI	SPU
2	PANGSAPURI SRI MEKAR II	SPU
3	TAMAN SUNGAI DUA UTAMA	SPU
4	TAMAN PANTAI INTAN	SPU
5	TAMAN BAGAN JERMAL	SPU
6	PANGSAPURI RIA	SPU
7	TAMAN PERMATANG SINTOK (BLOK A)	SPU
8	TAMAN TELOK AIR TAWAR	SPU
9	TAMAN PANTAI BERSIH	SPU
10	PANGSAPURI WIDURI	SPU
11	TAMAN TASEK RATNA BLOK C & D	SPU
12	TAMAN MERBAU INDAH	SPU
13	TAMAN SEGAR JAYA	SPU
14	TAMAN MESRA	SPU
15	TAMAN JERMAL INDAH	SPU
16	R/PANGSA MAK MANDIN 1	SPU
17	WISMA TELAGA	SPU
18	TAMAN PERMATANG SINTOK (BLOK B)	SPU
19	TAMAN AIR TAWAR INDAH	SPU
20	PANGSAPURI TAMAN AIR TAWAR INDAH	SPU
21	PANGSA PERINDU	SPU
22	TAMAN MESRA - BLOK 2 & 5	SPU
23	TAMAN MESRA - BLOK 3 & 4	SPU
24	TAMAN MESRA- BLOK 11-15	SPU
25	TAMAN MESRA - BLOK 16-20,23	SPU
26	TAMAN RATNA	SPU
27	RUMAH PANGSA MAK MANDIN	SPU
28	PANGSAPURI AKED	SPU
29	PANGSAPURI AKED	SPU
30	TAMAN SERI AKED	SPU
31	TAMAN AIR TAWAR INDAH- BLOK A	SPU
32	TAMAN ANGGERIK	SPU
33	TAMAN MESRA- BLOK 21 & 22	SPU
34	PUSAT PERNIAGAAN RAJA UDA	SPU
35	TAMAN SEJAHTERA INDAH	SPU
36	TAMAN TASEK RATNA BLOK A & B	SPU
37	PANGSAPURI SERI CHEMPA	SPU
38	TAMAN SERI ARA (MANDARIN QUARTER)	SPU
39	TAMAN SERI AKED	SPU
40	TAMAN SERI SEGAR	SPU
41	PANGSAPURI TAMAN MAK MANDIN JAYA	SPU

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
42	TAMAN BAYU AMAN	SPU
43	PANGSAPURI HIJAU INDAH	SPU
44	TAMAN SELAYANG UTAMA	SPU
45	RUMAH PANGSA OREN SERDANG	SPU
46	QUAYSIDE CLEAR WATER BAY	SPU
47	PANGSAPURI MESRA JAYA	SPU
48	TAMAN SEGEMAL INDAH	SPU
49	TAMAN HALAMAN RIA	SPU
50	PANGSAPURI VISTA SAMUDERA	SPU
51	PANGSAPURI OREN 3	SPU
52	TAMAN DESA ARA	SPU
53	TAMAN SELAYANG UTAMA	SPU
54	RESIDENSI ZAMRUD	SPU
55	PANGSAPURI SERI SERDANG	SPU
56	WOODSBURY SUITES	SPU
57	TAMAN SELAYANG UTAMA	SPU
58	TAMAN MEKAR SARI	SPU
59	WISMA BAGAN (NB TOWER2)	SPU
60	TAMAN RESIDENSI SERI CANTIK	SPU
61	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT PPR MAK MANDIN	SPU
62	VILA HARMONI	SPU
63	TAMAN INDUSTRI GERBANG OREN	SPU
64	TAMAN MEWAH	SPU
65	JLN RAJA UDA	SPU
66	TAMAN MERANTI INDAH	SPU
67	PUSAT PERNIAGAAN RAJA UDA	SPU
68	TAMAN CANTIK PERMAI	SPU
69	PANGSAPURI SERI MEWAH	SPU
70	TAMAN PENAGA PERMAI (KOS RENDAH)	SPU
71	TAMAN PENAGA PERMAI (KOS RENDAH)	SPU
72	TAMAN PENAGA PERMAI (KOS RENDAH)	SPU
73	TAMAN PENAGA PERMAI (KOS RENDAH)	SPU
74	TAMAN PENAGA PERMAI (KOS RENDAH)	SPU
75	TAMAN PENAGA PERMAI (KOS SEDERHANA RENDAH)	SPU
76	TAMAN DESA ARA PERMAI	SPU
77	RESIDENSI BERTAM VILA	SPU
78	TAMAN ARA INDAH	SPU
79	PANGSAPURI NYIOR INDAH	SPU
80	TAMAN BAYU AMAN	SPU
81	TAMAN MEKAR SARI ANGGUN	SPU
82	TAMAN JATI	SPU
83	TAMAN INDUSTRI SIRAM	SPU
84	TAMAN SENAM EMAS	SPU
85	TAMAN PAUH JAYA (PANGSAPURI PESONA)	SPT
86	TAMAN SUTERA	SPT
87	BANDAR PERAI JAYA	SPT
88	TAMAN MACHANG BUBOK (BLOK D- F)	SPT

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
89	TAMAN KOTA PERMAI	SPT
90	TAMAN MACHANG BUBOK (FASA 3)	SPT
91	TAMAN PINGGIRAN ALMA	SPT
92	TAMAN SIREH (FLAT KEBUN SIREH)	SPT
93	TAMAN PERAI UTAMA (PRIMA AMAN)	SPT
94	TAMAN PERWIRA INDAH	SPT
95	BANDAR PERAI JAYA (BLOK E1 DAN E2)	SPT
96	BANDAR PERAI JAYA BLOK D	SPT
97	TAMAN PERAI INDAH	SPT
98	TAMAN KOTA PERMAI	SPT
99	TAMAN BUKIT NONING	SPT
100	BANDAR PERDA (BAZAR PERDANA)	SPT
101	PRAI PLAZA	SPT
102	TAMAN HJ MOHD AMIN	SPT
103	PLAZA BUKIT MERTAJAM	SPT
104	SEBERANG JAYA	SPT
105	SERI EMAS APARTMENT	SPT
106	PANGSAPURI CASA PRIMA	SPT
107	TAMAN DESA IMPIAN	SPT
108	TAMAN SERI BETIK	SPT
109	TAMAN GUAR PERAHU INDAH (BLOK A)	SPT
110	DESA TITI PANJANG (BLOK A)	SPT
111	DESA TITI PANJANG (BLOK F)	SPT
112	PANGSAPURI SERI JAYA	SPT
113	TAMAN GUAR PERAHU INDAH (BLOK B)	SPT
114	PANGSAPURI PALMA LAGUNA	SPT
115	TAMAN JURU SETIA	SPT
116	RUMAH PANGSA JURU SETIA	SPT
117	TAMAN SETIA	SPT
118	RUMAH PANGSA TROPIKA	SPT
119	RESIDENSI TROPIKA	SPT
120	MEDAN PERNIAGAAN PAUH JAYA	SPT
121	TAMAN NAGASARI	SPT
122	HILL PARK RESIDENSI	SPT
123	TAMAN BUKIT PERMATA	SPT
124	HILL PARK RESIDENSI	SPT
125	SUNWAY WELLESLEY	SPT
126	SIGNATURE AVENUE & THE SIGNATURE	SPT
127	VILA SERI SETIA	SPT
128	TAMAN CARNATION	SPT
129	TAMAN JADI INDAH	SPT
130	TAMAN VILA INDAH	SPT
131	PUSAT PERNIAGAAN PERDANA JAYA	SPT
132	PUSAT KOMERSIAL PERMATANG PAUH	SPT
133	PANGSAPURI LAGUNA INDAH	SPT
134	KOMPLEKS BM CITY	SPT
135	KONDOMINIUM BERJAYA	SPT

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
136	TAMAN NALURI EMAS	SPT
137	TAMAN SERI ALMA	SPT
138	TAMAN PROMINENCE	SPT
139	TAMAN PROMINENCE	SPT
140	KONDOMINIUM LEMBAH INDAH	SPT
141	TAMAN LEMBAH INDAH (ROYALE HEIGHTS)	SPT
142	RESIDENSI SENTOSA	SPT
143	JERNIH RESIDENSI	SPT
144	PUSAT PERNIAGAAN MAHKOTA IMPIAN	SPT
145	BUKIT MERTA JAM WELLESLEY	SPT
146	PANGSAPURI ALAM PERMAI	SPT
147	JURU SENTRAL	SPT
148	TAMAN LEMBAH PERMAI	SPT
149	CASA RESIDENSI	SPT
150	TAMAN NALURI INDAH	SPT
151	TAMAN SERI BERAPIT	SPT
152	TAMAN ASTON TIMUR	SPT
153	RESIDENSI SEJATI	SPT
154	PANGSAPURI SERVIS MERITUS	SPT
155	OREN BM	SPT
156	PANGSAPURI LEMBAH PERMAI	SPT
157	KONDOMINIUM BUKIT INDAH	SPT
158	RESIDENSI PAUH PERMAI	SPT
159	SIGNATURE TWO	SPT
160	TAMAN IMPIAN RIA - PLAZA IMPIAN	SPT
161	TAMAN BIDARA	SPT
162	TAMAN MUTIARA	SPT
163	KOMPLEK PERNIAGAAN MAJU	SPT
164	SEBERANG JAYA	SPT
165	SEBERANG JAYA	SPT
166	PLAZA UTAMA	SPT
167	TAMAN MUTIARA	SPT
168	TAMAN MUTIARA	SPT
169	KAWASAN PERNIAGAAN ASAS MURNI (ASAS PARADE)	SPT
170	RESIDENSI SKY	SPT
171	RESIDENSI TROPIKA	SPT
172	HILL PARK RESIDENSI	SPT
173	HILL PARK RESIDENSI	SPT
174	HILL PARK RESIDENSI	SPT
175	HILLPARK RESIDENSI	SPT
176	TAMAN PASIR INDAH	SPT
177	TAMAN VILA PERMAI JAYA	SPT
178	PANGSAPURI WAKAF MOHAMED HASHIM	SPT
179	TAMAN MACHANG BUBOK	SPT
180	RUMAH PANGSA SERI SEJAHTERA	SPT
181	PUSAT PERNIAGAAN SUWAY WELLESLEY	SPT
182	HILL PARK RESIDENSI	SPT

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SKIM</b>	<b>DAERAH</b>
183	JURU SENTRAL	SPT
184	TAMAN NAGASARI	SPT
185	PUSAT PERNIAGAAN SETIA	SPT
186	TAMAN PAUH JAYA	SPT
187	PANGSAPURI SERVIS METRO	SPT
188	TAMAN LEMBAH INDAH	SPT
189	TAMAN JADI INDAH	SPT
190	TAMAN ASTON BARAT	SPT
191	KAW PERNIAGAAN TAMAN MERAK	SPS
192	TAMAN GAMELAN INDAH	SPS
193	TAMAN BELIBIS	SPS
194	TAMAN DESA JAWI	SPS
195	TAMAN GAMELAN INDAH	SPS
196	TAMAN JAWI INDAH	SPS
197	TAMAN NIBONG TEBAL JAYA	SPS
198	TAMAN SERI EMAS	SPS
199	TAMAN KERAMAT PERMAI	SPS
200	TAMAN BEDUL INDAH	SPS
201	TAMAN SERI PUTERA	SPS
202	TAMAN SUNGAI JAWI	SPS
203	TAMAN SUNGAI DURI PERMAI (BLOK A)	SPS
204	TAMAN SUNGAI DURI PERMAI (BLOK B)	SPS
205	TAMAN BEDUK INDAH	SPS
206	VERVEA	SPS
207	PANGSAPURI RESIDENSI PANCHOR	SPS
208	ECO HORIZON 1	SPS
209	PANGSAPURI ECO BLOOM	SPS
210	ICONIC POINT	SPS
211	TAMAN BAGAN TAMBUN	SPS
212	TAMAN PERINDUSTRIAN BATU KAWAN	SPS
213	ECO HORIZON 1	SPS
214	VERTU RESORT	SPS
215	TAMAN KALIDONIA INDAH	SPS

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

6. Nyatakan bilangan kakitangan COB di kedua-dua PBT.
- (a) Adakah kerajaan akan menambah kakitangan COB supaya lebih cekap dalam menguruskan skim strata serta memastikan semua skim strata dapat menubuhkan Perbadanan Pengurusan (MC) masing-masing?
  - (b) Apakah jenis aduan yang biasa diutarakan oleh penghuni-penghuni kepada COB?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Jumlah kakitangan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seramai 21 orang manakala di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seramai 11 orang.
- (a) Kerajaan Negeri sememangnya prihatin terhadap isu kekurangan kakitangan COB di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) telah mengemukakan permohonan peminjaman pegawai COB kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang melibatkan permohonan tambahan seramai empat (4) orang pegawai iaitu dua (2) orang di MBPP dan dua (2) orang di MBSP untuk Gred W41/W44 (Pegawai Penilaian).

Walau bagaimanapun, pihak KPKT telah mengemukakan maklum balas bahawa buat masa kini pihak KPKT tidak

mempunyai kapasiti untuk membekalkan Pegawai Penilaian Gred W41/W44 sepertimana permohonan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selain itu, penambahan jawatan baharu di bawah KPKT juga tidak dapat dilaksanakan kerana bercanggah dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.1 pada peranggan 3.6 yang dikeluarkan pada 14 Julai 2022 yang menyatakan bahawa "pewujudan jawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (*trade-off*) dan pindah butiran (*redeployment*) serta tiada implikasi kewangan tambahan".

Bagi mencari penjelasan alternatif berhubung perkara ini, kaedah pengambilan kakitangan melalui lantikan *Contract of Service* adalah opsyen yang dicadangkan tetapi masih di peringkat kajian dan penelitian bagi melihat keperluan sebenar di peringkat PBT.

- (b) Jenis aduan yang sering diterima oleh COB adalah seperti berikut:
- (i) Kebocoran antara tingkat;
  - (ii) Binaan tanpa kebenaran;
  - (iii) Tatacara Mesyuarat Agung Tahunan (AGM);
  - (iv) Penyelenggaraan lif;
  - (v) Isu kereta terbiar/terbengkalai;
  - (vi) *House rules* tambahan dan isu anjing peliharaan disimpan di dalam rumah;
  - (vii) Peraturan berpakaian dalam lif (pakaian basah);
  - (viii) Penggunaan isu harta bersama;
  - (ix) Isu *outstanding charge maintenance*;
  - (x) Isu sewaan kepada warga asing serta *house rules* tambahan;
  - (xi) Tunggakan caj *maintenance* dan *renovation* rumah;

- (xi) Elaun ahli jawatankuasa; dan
- (xiii) *Defect liability period* (DLP) terhadap kecacatan harta bersama terhadap pemaju.



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

7. Terdapat masalah rumah usang dalam kawasan Parlimen Tanjong, rumah-rumah yang terbiar telah merosakkan imej dan menimbulkan isu keselamatan.
- (a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani isu ini?
  - (b) Adakah kerajaan akan mengenakan cukai taksiran yang lebih tinggi terhadap pemilik-pemilik bangunan usang ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. (a) Tindakan yang diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi menangani isu rumah-rumah usang dan terbiar adalah melalui pengeluaran notis kepada pemunya bangunan usang/terbiar di bawah Seksyen 82 dan 83, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan disusuli dengan pemasangan *hoarding* di sekeliling kawasan premis berkenaan bagi mengelakkan kacau ganggu atau sebarang aktiviti yang tidak diingini berlaku. Sebarang kos yang ditanggung oleh MBPP akan dibuat tuntutan balik terhadap pemilik bangunan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh MBPP.
- (b) Ya. Cukai taksiran bagi premis usang dan tidak selamat diduduki akan dibatalkan dan digantikan dengan cukai taksiran tanah yang lebih tinggi daripada cukai kediaman sedia ada mengikut lokasi di kawasan yang terlibat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

8. Nyatakan sewa bulanan Tapak Penjaja Sementara, Kompleks Makanan dan Pasar Awam di bawah MBPP dan MBSP.
- (a) Orang ramai selalu mengadu harga jualan makanan dan minuman di tempat-tempat ini agak tinggi berbanding dengan swasta walaupun kadar sewa agak rendah. Apakah dasar PBT untuk mengatasi masalah ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Sewa bulanan bagi tapak penjaja sementara, kompleks makanan dan pasar awam di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah berbeza-beza mengikut lokasi premis dan keluasan tapak yang terlibat. Perincian berkenaan sewa mengikut kategori premis bagi MBPP dan MBSP adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pada ketika ini, dasar Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah harga jualan makanan dan minuman yang agak tinggi adalah dengan menyediakan ruang niaga untuk membantu peniaga-peniaga kecil dengan kadar sewaan paling minimum dan tidak membebankan. Namun begitu, sekiranya terdapat sebarang aduan berkenaan dengan harga jualan yang tinggi, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan melakukan siasatan dan seterusnya akan menyalurkan maklumat berkenaan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

**MBPP****Pasar Awam**

<b>Jenis Jualan</b>	<b>Kadar Sewa Gerai/Kadar Sewa Lesen/Bulanan (RM)</b>
Ikan	17-294
Daging Lembu	8-210
Daging Kambing	8-222
Daging Khinzir	21-180
Ayam Bersih	8-222
Sayur	6-246
Santan	12-250
Telur	12-200
Rempah	8-150
Buah-buahan	6-250
Barangan Am	6-250
Barangan Runcit	14-250

**Kompleks Makanan**

<b>Jenis Jualan</b>	<b>Kadar Sewa Gerai/Kadar Sewa Lesen/Bulanan (RM)</b>
Makanan	8-260
Minuman	12-331
Barangan Am	36-260
Barangan Runcit	30

**Tapak Penjaja Sementara Berbumbung/Tidak Berbumbung**

<b>Jenis Jualan</b>	<b>Kadar Sewa Gerai/Kadar Sewa Lesen/Bulanan (RM)</b>
Makanan	15-24
Minuman	15-24
Barangan Am	15-24

## Tapak Penjaja Sementara Statik

<b>Jenis Jualan</b>	<b>Kadar Sewa Gerai/Kadar Sewa Lesen/Bulanan (RM)</b>
Makanan	45
Minuman	45
Barangan Am	45

## **MBSB**

### **TAPAK PENJAJA SEMENTARA**

<b>JENIS PETAK</b>	<b>KADAR SEWAAN / BULANAN (RM)</b>
Petak Terbuka Tidak Berbumbung	30
Petak Terbuka Berbumbung	60

### **PASAR AWAM**

<b>JENIS JUALAN</b>	<b>KADAR SEWAAN / BULANAN (RM)</b>
Sayur	80-130
Daging Lembu	80-130
Daging Khinzir	80-130
Daging Kambing	80-130
Ikan	90-150
Ayam Proses	90-150
Barang Am / Runcit	80-130
Buah-buahan	80-130
Gerai Tertutup	145-240
Petak Am	35-60
Petak Makanan	35-60
Petak Pelbagai	35-60

### **KOMPLEKS MAKANAN**

<b>JENIS PETAK</b>	<b>KADAR SEWAAN / BULANAN (RM)</b>
Petak Terbuka Tidak Berbumbung	35-60
Petak Terbuka Berbumbung	70-120
Gerai Tertutup dan Berbumbung (Tidak Berkunci)	110-180
Gerai Tertutup dan Berbumbung	145-240

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

9. Adakah Kerajaan Negeri akan memperkenalkan dasar yang lebih mesra terhadap penduduk asal dalam tapak warisan dunia agar dapat menggalakkan mereka terus tinggal di kawasan berkenaan? Contohnya menyediakan tempat letak kenderaan khas kepada penduduk yang tinggal di kawasan itu..

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Selaras dengan pelaksanaan program *Repopulating George Town*, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) aktif melaksanakan projek-projek menaik taraf infrastruktur awam seperti pasar, perabot jalan dan taman-taman awam, rejuvenasi lorong-lorong belakang serta mempertingkatkan kemudahan pengangkutan di sekitar George Town bagi memastikan bandaraya ini lebih terjaga, selamat, bersih dan mesra orang awam di samping menggalakkan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town (TWDGT) terus hidup dan berpenghuni.

Selain itu, terdapat program insentif seperti pengecualian penyediaan tempat letak kenderaan secara fizikal tertakluk kepada bayaran sumbangan bagi pemajuan pembangunan di dalam TWDGT.

Tambahan pula, pemilik bangunan di dalam TWDGT juga dibenarkan memindahkan baki hak pembangunan atau nisbah plot (plot ratio) untuk diguna pakai dalam pemajuan yang terletak di luar TWDGT bertujuan untuk menggalakkan pemajuan dalam TWDGT dan secara tidak langsung menggalakkan penetapan semula penduduk dalam kawasan sekitar George Town.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

10. Jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan tidak berlaku kesesakan di balai ketibaan semasa *peak hours* di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri telah mencadangkan kepada pengurusan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) untuk melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengawal kesesakan dan cadangan tersebut diterima oleh MAHB pada bulan Disember 2023 iaitu:
- (a) Penghalang *zig zag* untuk kawalan beratur di depan kaunter imigresen ketibaan antarabangsa;
  - (b) Ruang menunggu ketibaan antarabangsa di tingkat atas sekiranya ketibaan serentak kapal terbang sementara imigresen di tingkat bawah memproses penumpang-penumpang yang tiba lebih awal; dan
  - (c) *Streamer* pelbagai bahasa untuk mengingatkan penumpang-penumpang asing untuk mengisi Malaysia Digital Arrival Card (MDAC)

Kerajaan Negeri turut memaklumkan kepada Menteri Dalam Negeri serta Jabatan Imigresen tentang keperluan kaunter-kaunter imigresen yang perlu dibuka penuh sepanjang masa.

Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di bawah pengurusan MAHB dan kaunter-kaunter imigresen di bawah Jabatan Imigresen, Kementerian Dalam Negeri di bawah Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri mengadakan mesyuarat berkala untuk memantau keadaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan memberikan cadangan-cadangan kepada agensi-agensi berkenaan.

Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) daripada 6.5 mppa (*million pasenger per annum*) kepada 12 mppa. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan memaklumkan bahawa pembesaran LTAPP ini adalah termasuk penambahbaikan di balai pelepasan dan balai ketibaan dengan jumlah persegi lantai kawasan yang lebih luas demi meningkatkan servis kepada semua penumpang. Buat masa ini, pelan pembesaran di kawasan balai pelepasan dan balai ketibaan akan melibatkan penambahan kaunter daftar masuk, kaunter pemeriksaan imigresen, kaunter pemeriksaan kastam dan beberapa penambahbaikan lain yang berkaitan. Pihak Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) yang merupakan operator LTAPP perlu memastikan penambahan bilangan kaunter ini juga seiring dengan penambahan bilangan anggota daripada kementerian dan jabatan berkaitan demi melicinkan urusan penumpang apabila LTAPP beroperasi dengan 12 mppa kelak.



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

11. Adakah Kerajaan Negeri sedia menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)?
- (a) Senaraikan kebaikan dan keburukan jika negeri Pulau Pinang mengguna pakai Akta tersebut.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat untuk membuka rundingan bagi pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri Pulau Pinang melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 7 Tahun 2024 bertarikh 28 Februari 2024 dan surat 'Hasrat Rundingan Pemakaian Akta 672' daripada pihak Kerajaan Negeri kepada pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bertarikh 26 Mac 2024. Proses rundingan tersebut dijangka mengambil masa selama enam (6) bulan sebelum satu keputusan dapat dimuktamadkan.
- (a) Kebaikan dan keburukan penerimaan pakai Akta 672 adalah seperti **Jadual 1** berikut:

<b>BIL</b>	<b>KEBAIKAN</b>	<b>KEBURUKAN</b>
1.	Peruntukan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan.	Caruman tetap oleh MBPP dan MBSP. Penambahan caruman bagi kawasan-kawasan baharu.
2.	Pembangunan dan pengoperasian Loji <i>Waste to Energy</i> (WTE) akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.	Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak terlibat dalam perancangan fasiliti sisa pepejal.
3.	Pelantikan anak syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai syarikat konsesi.	Kerajaan Negeri dan PBT tertakluk kepada Akta 672 dan peraturan-peraturan baharu.

JADUAL 1 : Kebaikan Dan Keburukan Penerimaan Pakai Akta 672

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

12. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Selaras dengan perkembangan teknologi, Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) (AI) bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan Kerajaan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan/ Agensi Negeri telah melaksanakan strategi dan program/inisiatif antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- (i) Merangka, membangunkan, melaksanakan dan memantau Pelan Strategik Pendigitalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) yang holistik bagi setiap 5 tahun dengan menerapkan elemen-elemen pelaksanaan teknologi terkini termasuk AI dalam komponen teras yang dibangunkan;
  - (ii) Melaksanakan program/ seminar keselamatan ICT terhadap penjawat awam di negeri Pulau Pinang setiap tahun melalui Seminar Kerajaan Digital anjuran PSUKPP dengan pendekatan perkongsian maklumat dan pengetahuan berkaitan teknologi terkini dan AI;

- (iii) Melaksanakan program kolaborasi bersama jabatan/ agensi negeri dan persekutuan dalam membangunkan sistem aplikasi bersama yang menggunakan data yang dikumpul melalui perkakasan *Internet of Things* (IoT) milik jabatan/ agensi negeri yang akan digabungkan bersama data Kerajaan Negeri dan diproses untuk mendapatkan hasil yang lebih bermanfaat dan efektif. Antara inisiatif kolaborasi Kerajaan Negeri adalah aplikasi GeoBencana dan PenangAlert;
- (iv) Penggunaan aplikasi pengecaman wajah (*facial recognition*) bagi Sistem Kehadiran di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri; dan
- (v) Penggunaan chatbot yang sedang dibangunkan untuk menguruskan soalan lazim dari pengunjung di Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

(b) Majlis Bandaraya Pulau Pinang

- (i) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) iaitu *Intelligent Video Analytic* bagi pemantauan trafik dan perkhidmatan perbandaran.
- (ii) MBPP juga dalam proses membangunkan GenAI untuk menghasilkan aplikasi AI berdasarkan aplikasi yang terkini untuk meningkatkan perkhidmatan Majlis. Penggunaan AI dijangka dapat membantu membuat analisis dan ramalan kepada keputusan yang baik, memperbaiki tahap mutu perkhidmatan dan kegunaan-kegunaan lain.

(c) Majlis Bandaraya Seberang Perai

Antara perancangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan MBSP adalah:

- (i) Penggunaan AI dalam kamera litar bertutup (CCTV) bagi pengenalpastian nombor plat kenderaan yang keluar masuk menggunakan zon pas di kawasan Perindustrian Zon Bebas Perai (FIZ). Pengecaman nombor plat kenderaan ini diintegrasikan dengan sistem permohonan permit secara atas talian.
- (ii) Pemantauan pengunjung dan kakitangan keluar masuk di ibu pejabat MBSP melalui pengecaman wajah melalui penggunaan CCTV.

Pelaksanaan teknologi AI dalam perkhidmatan kerajaan perlu dimanfaatkan. Walau bagaimanapun, ianya perlu dilakukan dengan teliti dan berhati-hati sewaktu dengan mempertimbangkan isu-isu berkaitan etika, privasi data, dan keselamatan siber serta bagi memastikan ianya memberi manfaat yang seimbang kepada semua pihak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

13. Untuk meningkatkan lagi kadar kitar semula, adakah Kerajaan Negeri akan melonggarkan syarat untuk mereka yang ingin menjalankan perniagaan kitar semula komuniti?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Secara asasnya, pengurusan Perniagaan Kitar Semula di Negeri Pulau Pinang terletak dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada tahun 2023, kadar kitar semula Pulau Pinang berada pada 53.02% melebihi kadar kitar semula negara sebanyak 31%.

PBT sedang bekerjasama bagi menjayakan program kitar semula selaras dengan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mencatatkan peningkatan kadar kitar semula yang tinggi. Antara inisiatif yang dilakukan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan Anugerah Sekolah Hijau pada 2011 dalam usaha membudayakan amalan kitar semula dalam kalangan pelajar sekolah;
- (ii) Pengurusan Sisa Mampan: Pulau Pinang telah mengadaptasikan pendekatan holistik terhadap pengurusan sisa untuk bandar yang lebih bersih. Pengurusan Sisa Bersepadu dan Mampan (ISMW) memfokuskan kepada *circular economy* dan mengurangkan jumlah sisa yang masuk ke tapak pelupusan. Pulau Pinang telah mewajibkan pengasingan sisa di punca berkuat kuasa sejak 1 Jun 2017. Pulau Pinang juga mengurangkan sisa makanan daripada

masuk ke tapak pelupusan sambil menjana tenaga hijau melalui inisiatif *Waste to Energy* (WtE);

- (iii) Pertandingan barangan kitar semula antara jabatan dalaman MBPP pada 11 September 2023 hingga 6 Oktober 2023;
- (iv) Penjualan barangan terpakai di Program *Zero Burden Bazaar* (1.0) pada 8 Oktober 2023 dan Program *Zero Burden Bazaar* (2.0) pada 28 Januari 2024 sempena Car Free Day; dan
- (v) Program *World Clean Up Day* telah diadakan pada 19 April 2024 hingga 23 April 2024.

Walaupun ke arah meningkatkan lagi kadar kitar semula, PBT tidak bercadang untuk melonggarkan syarat sedia ada untuk mereka yang ingin menjalankan perniagaan kitar semula komuniti. Aktiviti perniagaan kitar semula adalah tidak dibenarkan untuk dijalankan di kawasan kediaman dan perlu mematuhi sembilan (9) syarat khusus di bawah Syarat Pelesenan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) iaitu:

- (i) Mendapatkan lesen pemungut sampah yang boleh dikitar semula daripada MBSP.
- (ii) Menyimpan data / statistik sampah yang boleh dikitar semula dan membekalkan data tersebut kepada Majlis pada setiap bulan mengikut format yang telah ditetapkan oleh MBSP.
- (iii) Penyimpanan barang lusuh / barang terpakai hendaklah teratur agar tidak menjadi tempat pembiakan haiwan perosak dan lain-lain serangga pembawa penyakit.
- (iv) Semua kawasan penyimpanan hendaklah boleh dilalui untuk pemeriksaan bila-bila masa.
- (v) Sentiasa membersihkan kawasan penyimpanan daripada rumput dan semak-samun.
- (vi) Memastikan premis perniagaan bebas daripada serangga pembawa penyakit.
- (vii) Menyimpan semua resit pembelian untuk tujuan pemeriksaan oleh pihak berkuasa.

- (viii) Tidak boleh menyebabkan kacau ganggu kepada jalan dan penghuni berhampiran.
- (ix) Sekiranya barang-barang lusuh yang ada sisa minyak kawalan sisa minyak hendaklah dibuat supaya tidak mengalir ke dalam longkang atau parit berhampiran.



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

14. Senaraikan projek-projek yang telah berjaya dilaksanakan bagi Penang Smart City.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Dalam mencapai hasrat untuk menjadi sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa selaras dengan Visi Penang2030: *A Family-Focused, Green & Smart State that Inspires the Nation*, Kerajaan Negeri telah melancarkan Dokumen Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang pada 8 Disember 2021 yang lalu. Penerbitan dokumen ini merupakan suatu dokumen yang amat penting bagi merekodkan perjalanan negeri Pulau Pinang ke arah menjadi sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa dan untuk dijadikan rujukan semua pihak terutamanya bagi merealisasikan 4Ps (*Private, People, Public, Partnership*) dalam era Revolusi Industri 4.0 dapat tercapai. Setakat ini, sebanyak 68 inisiatif pintar telah dilaksanakan, 32 inisiatif sedang dilaksanakan dan 20 inisiatif akan dilaksanakan, menjadikan jumlah keseluruhan inisiatif pintar di negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 120 inisiatif pintar. Senarai projek/program inisiatif pintar yang telah berjaya dilaksanakan bagi '*Penang Smart City*' adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Manakala bagi projek/program inisiatif pintar yang sedang dilaksanakan pula adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

**SENARAI PROJEK/PROGRAM INISIATIF PINTAR YANG TELAH  
DILAKSANAKAN DI NEGERI PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>OBJEKTIF / KEJAYAAN</b>
1.	Sistem Pemantauan Pintar	Meningkatkan mutu perkhidmatan MBSP dengan menyediakan platform kepada pemaju untuk memasukkan maklumat berkenaan pelaksanaan syarat-syarat pembangunan ke dalam sistem bagi memudahkan pegawai melaksanakan pemantauan.
2.	<i>Real-time Telemetry System</i>	Mengurangkan risiko kepada orang awam dengan memberikan amaran awal melalui laman web INFOBANJIR.
3.	Sistem Amaran Paras Air Kawasan (SPARK)	Keseluruhan 12 unit ultrasonik sensor telah dipasang di setiap parit monsun berdekatan rumah pam untuk mengenal pasti paras air semasa.
4.	CCTV di Seberang perai	Membantu pihak penguatkuasaan MBSP dalam melaksanakan kerja-kerja pemantauan berdasarkan kes-kes berkaitan dan penguatkuasaan dengan lebih berkesan.
5.	<i>Penang GeoHub</i>	Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan jabatan kerajaan melalui sistem perkongsian maklumat geospasial yang menyeluruh.
6.	<i>Intelligent Operation Centre (IOC)</i>	Meningkatkan kualiti hidup rakyat negeri Pulau Pinang dalam aspek keselamatan awam apabila kawasan berisiko sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa.
7.	<i>Fibre to the Home</i>	Penghuni dapat memilih penyedia perkhidmatan bagi sistem telefon dan internet berdasarkan bajet dan keperluan mereka sendiri.
8.	Perkhidmatan Telekomunikasi Tanpa Wayar " <i>Terragraph</i> "	Meningkatkan mutu dan kualiti hidup rakyat terutamanya penduduk George Town kerana dapat menikmati kemudahan internet percuma berjalur lebar tinggi.
9.	<i>Crush Aedes Totally (CAT)</i>	Membekalkan maklumat ramalan kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri supaya

		langkah-langkah pencegahan denggi dapat dilaksanakan lebih awal.
10.	Analitis Data Raya: Pemilikan Rumah Mampu Milik	Memberi peluang kepada penduduk Negeri Pulau Pinang yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri untuk didiami bersama keluarga.
11.	Sistem e-Janji Temu	Memudahkan pelanggan menempah slot janji temu mengikut urusan secara dalam talian.
12.	Sistem i-Sejahtera	Membudayakan norma baharu bagi urusan permohonan melalui penggunaan teknologi digital.
13.	Sistem e-Kemusykilan	Memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendapatkan jawapan bagi kemusykilan agama dan pandangan hukum tanpa perlu hadir ke kaunter.
14.	Sistem e-Fatwa	Mendidik rakyat untuk membudayakan teknologi digital dalam membuat carian dan mendapatkan maklumat berkaitan keputusan fatwa serta nasihat hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa negeri Pulau Pinang secara dalam talian.
15.	Sistem ePerolehan Pulau Pinang (SysP)	Membolehkan pembelian dokumen sebut harga atau tender secara dalam talian.
16.	Sistem e-INTEGRITI	Saluran aduan yang terbuka untuk menerima maklumat/aduan berkaitan isu-isu integriti termasuklah perlakuan jenayah rasuah.
17.	Sistem e-Rayuan	Membolehkan orang awam mengakses sistem rayuan 24 jam sehari, penyediaan sistem carian yang membolehkan carian kes-kes terkini dan kes lama dibuat dan pembayaran secara dalam talian.
18.	Aplikasi PDC2U	Membolehkan orang awam membuat sebarang pertanyaan atau aduan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh PDC.
19.	SMARTPLAN	Meningkatkan sistem penyampaian jabatan untuk rakyat dengan perkhidmatan Aplikasi <i>Map Services SMARTPLAN</i> .
20.	Sistem Pemantauan Rancangan Struktur / <i>Electronic Monitoring Structure Plan (eMOSPlan)</i>	Membangunkan sistem pemantauan yang boleh mengukur pencapaian pelaksanaan dasar-dasar dan langkah yang telah dinyatakan di dalam RSNPP2030.

21.	<i>Aspire</i> Seberang Perai	Membantu warga Seberang Perai memperoleh info terkini mengenai Seberang Perai, menerima pemakluman tentang bil yang perlu dibayar dan membuat bayaran menggunakan gerbang pembayaran alternatif yang lebih efisien dan mudah.
22.	Inisiatif Tanpa Tunai di Pasar Awam (POC)	Menyediakan satu platform pembayaran yang mudah, cepat dan selamat kepada orang awam.
23.	Penang i4.0 Seed Fund	Memberi peluang kepada para <i>start-up</i> teknologi tahap awal yang berpotensi tinggi untuk menceburi bidang teknologi inovatif.
24.	Trash2Treasure	Meningkatkan kecekapan kitar semula dan proses pembelian semula bahan kitar semula.
25.	<i>Penang International Green Conference and Exhibition 2019</i>	Menyediakan platform perbincangan dan perkongsian idea inovatif mengenai pelaksanaan Bandar Hijau di Negeri Pulau Pinang.
26.	SMARTROW	Mengurangkan penggunaan tenaga dengan teknologi baharu yang melibatkan pemantauan dan pengurangan jejak karbon.
27.	Semburan baja dan racun menggunakan dron	Menampung kekurangan tenaga kerja manusaia di samping penjimatan masa melalui penggunaan teknologi.
28.	<i>Link Bike</i>	Menggalakkan pelancong menaiki basikal untuk mengurangkan jejak karbon terutamanya di kawasan George Town.
29.	<i>Penang Intelligent Traffic and Transport System (PiTTs)</i>	Penduduk Negeri Pulau Pinang dapat merancang waktu perjalanan tanpa perlu menghabiskan waktu menunggu di perhentian bas.
30.	<i>Smart Bus Stop</i> (POC)	Untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang serta menambah baik ciri-ciri perhentian sedia ada dengan teknologi baharu yang baik untuk warga Pulau Pinang.
31.	Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL)	Melahirkan generasi dalam kalangan rakyat Pulau Pinang yang celik IT dan peka terhadap perkembangan teknologi semasa.

32.	<i>Penang Free WiFi</i>	Menyediakan akses jalur lebar yang mudah untuk penduduk Pulau Pinang serta para pelawat di kawasan khas internet tanpa wayar yang terdapat di bahagian Pulau dan Seberang Perai.
33.	Perpustakaan Digital Batu Maung	Melahirkan generasi dalam kalangan rakyat Pulau Pinang yang celik IT dan peka terhadap perkembangan teknologi semasa.
34.	<i>Smart Pole</i> di PDL	Menjimatkan penggunaan kos tenaga elektrik dan mampu mewujudkan persekitaran yang mesra alam.
35.	Perpustakaan Digital Butterworth	Meningkatkan pengalaman pendidikan yang setanding dengan perkembangan teknologi hari ini dan melalui penggunaan e-Book.
36.	<i>Hackfest</i> MPSP 2018	Membolehkan orang awam memberi pandangan atau idea yang kreatif yang dapat membantu MBSP dalam memperbaiki mutu penyampaian perkhidmatan kepada penduduk Seberang Perai.
37.	24 Jam Hackathon Data Terbuka Pulau Pinang 2018	Menggalakkan penglibatan komuniti dalam membangunkan produk inovasi yang menggunakan data terbuka Malaysia dan Pulau Pinang.
38.	<i>Young Innovators Makerthon</i> 2019	Menyediakan platform untuk memupuk minat pelajar untuk mempelajari mengenai teknologi terkini dan melengkapkan pelajar dengan kemahiran hidup.
39.	<i>De Tech Conference</i> 2019	Melahirkan komuniti yang berbakat dan berinovasi serta dapat menyesuaikan diri dalam penggunaan sistem <i>Artificial Intelligence (AI)</i> , <i>Cyber Security</i> , <i>Big Data</i> , <i>Smart City</i> , <i>Smart Retail</i> dan <i>Augmented Reality (AR)</i> .
40.	<i>Makerspace @</i> Balik Pulau	Pelajar dapat menerokai dan mempelajari mengenai alat berteknologi tinggi seterusnya memupuk minat terhadap bidang sains dan teknologi.
41.	<i>Penang School Maker Fair</i> 2019	Menyediakan platform bagi pelajar untuk berkongsi idea kreatif dan luar biasa dalam bidang (STEAM).

42.	<i>SteamX</i>	Membolehkan para pelajar Malaysia memahami pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian, dan Matematik (STEAM) dan merasai teknologi dalam persekitaran global.
43.	<i>Penang International Science Fair</i>	Menyediakan <i>platform</i> untuk memupuk minat dalam pendidikan (STEM) dan mewujudkan pemikiran yang inovatif di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah melalui aktiviti <i>hands-on</i> yang unik.
44.	<i>Maker Lab for Schools</i>	Menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek STEM menggunakan teknologi terkini.
45.	<i>Coding for All</i>	Mempersiapkan pelajar sebelum menghadapi alam pekerjaan dan memupuk minat pelajar untuk menceburi bidang teknologi.
46.	Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)	Melahirkan pekerja industri yang berkemahiran dan berbakat dalam bidang seperti reka bentuk, pembangunan dan pembuatan.
47.	<i>PGCare</i>	Memudahkan cara pematuhan prosedur operasi standard (SOP) oleh premis perniagaan.
48.	Penang Saring COVID19 (PSC19)	Mengenal pasti dan mengasingkan individu yang dijangkiti virus COVID19 dan mengawal perebakan virus.
49.	MBSP Free Wifi (POC)	Memudahkan pembayaran tanpa tunai di pasar awam dan kompleks makanan milik MBSP.
50.	Aplikasi MyKampung Pulau Pinang	Membangunkan dan mengemas kini maklumat kampung mengikut kategori serta mencerap data asas bagi setiap kampung.
51.	<i>Smart City of Penang (SCoPe)</i>	Untuk membantu dan memudahkan kerja harian MBSP dalam menangani masalah penjaja haram, kebersihan, lalu lintas, anjing liar dan keselamatan selain untuk menambahkan bilangan CCTV sedia ada.
52.	Pembayaran melalui <i>eWallet Boost</i>	Program kerjasama antara MBSP dan Syarikat Axiata Digital eCode Sdn. Bhd.

		dalam melaksanakan inisiatif pembayaran tanpa tunai ( <i>cashless</i> ).
53.	Sistem Perakaunan dan Kewangan Bersepadu	Sistem yang dibangunkan berdasarkan keperluan MBSP serta mematuhi <i>Malaysian Accounting Standards Boards</i> (MASB).
54.	<i>Cyber Counter</i> MBSP	Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat. Perkhidmatan secara dalam talian yang mana memudahkan urusan dilaksanakan tanpa perlu hadir sendiri ke kaunter berpusat MBSP.
55.	<i>MyMBSP App</i>	Aplikasi <i>MyMBSP</i> adalah inisiatif MBSP untuk menyampaikan maklumat kepada orang awam berkaitan MBSP dengan lebih pantas melalui telefon pintar. Orang awam juga boleh membuat aduan dan memantau aduan mereka melalui aplikasi <i>MyMBSP</i> .
56.	<i>MBSPQR Bill</i>	Fungsi imbas dan bayar yang diwujudkan pada bil cukai taksiran MBSP melalui imbasan <i>QR Code</i> bagi tujuan semakan dan pembayaran cukai taksiran MBSP secara dalam talian.
57.	<i>MBSP Cyber Bill</i>	Fungsi SMS diwujudkan bagi tujuan penghantaran bil secara digital seterusnya pembayar cukai boleh menyemak dan membuat pembayaran secara dalam talian.
58.	<i>MBSPPay</i>	Menggalakkan penggunaan pembayaran secara dalam talian. Sistem <i>MBSPPay</i> menggunakan konsep <i>cart</i> bagi membolehkan pelbagai transaksi pembayaran dibuat secara serentak.
59.	<i>Waste Management</i>	Memantau penggunaan kenderaan oleh pemandu dan kerja-kerja yang dijalankan.
60.	Pemasangan Lampu Solar LED Pintar	Pemasangan lampu jalan berkuasa solar dengan sistem IOT di mana lampu ini memenuhi spesifikasi teknologi hijau yang mempunyai tahap kecerahan yang tinggi

		serta bertahan lama. Malah, produk ini dilengkapi dengan sistem pemantauan berpusat dan mampu beroperasi sepenuhnya secara “ <i>offgrid</i> ” tanpa memerlukan punca tenaga kuasa elektrik dari sumber TNB dan bebas pendawaian.
61.	<i>SPEEDBiz</i>	Memudahkan orang awam untuk menguruskan lesen perniagaan secara dalam talian.
62.	<i>Smart Solar System</i>	Menjana sumber tenaga yang bersih dan boleh diperbaharui.
63.	<i>Smart Traffic Light</i>	Mengesan kerosakan lampu isyarat dengan cepat dan penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan pantas.
64.	<i>Smart Economy: Inisiatif Tanpa Tunai - Smart Kiosk dan Smart Counter</i>	Penyediaan saluran bayaran perkhidmatan MBPP secara digital bagi mengurangkan kebergantungan pada kaunter, penjarakan fizikal dan sentuhan. Memudahkan orang awam berurusan dengan MBPP secara pantas dan kemas kini bayaran dengan segera ke <i>backend system</i> MBPP.
65.	Pemasangan Papan <i>Plaque 'QR Code'</i> bagi Arca-arca dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town ( <i>Marking George Town</i> )	Projek Pemasangan Papan <i>Plaque 'QR Code'</i> bagi Arca-arca dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town ( <i>Marking George Town</i> ) telah dilaksanakan pada tahun 2021 bertujuan untuk mewujudkan saluran informasi kepada pengunjung menggunakan teknologi paparan dan imbasan ' <i>QR Code</i> ' bagi mendapatkan maklumat berkenaan sejarah/info-info berkaitan di sebalik arca tersebut.
66.	<i>Smart CCTV</i>	a) CCTV di lokasi <i>hotspot</i> . Tujuan pemasangan CCTV adalah untuk mengurangkan kes jenayah, pemantauan trafik, pengumuman kecemasan, kawalan lalulintas, longgokan sampah haram,



		<p>pemantauan bencana banjir dan kerja tanah di kawasan bukit.</p> <p>b) CCTV jenis mudah alih.</p> <p>CCTV jenis mudah alih ini senang ditanggal dan dipasang semula, maka ia digunakan untuk pemantauan sementara di lokasi-lokasi yang diperlukan. Sistem CCTV ini menggunakan panel solar sebagai punca bekalan elektrik, maka tidak perlu memohon bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad.</p>
67.	<i>Smart</i> Alat Pengesan Paras Air (10 lokasi)	Digunakan untuk mengesan paras air semasa hujan lebat dan menghantar notifikasi apabila banjir kilat berlaku di 10 lokasi.
68.	<i>Green Connectivity</i> (Laluan Basikal)	<p>Jarak Laluan (2020:195 km)</p> <p>Bilangan Penumpang Basikal (2020: 25,073)</p>

**SENARAI PROJEK/PROGRAM INISIATIF PINTAR YANG SEDANG  
DILAKSANAKAN DI NEGERI PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>OBJEKTIF / KEJAYAAN</b>
1.	<i>Gigabit City: Clip-on Solution</i>	Meningkatkan kualiti dan ketersediaan infrastruktur internet jalur lebar tetap dalam jangka masa yang singkat
2.	<i>Smart Pole (POC)</i>	Mengoptimumkan penggunaan tenaga dengan kecekapan yang tinggi melalui pencahayaan pintar.
3.	Projek Fiberisasi Kuarters dan Kediaman Rasmi Pegawai Kanan dan Kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Membekalkan kemudahan internet jalur lebar tetap dengan berkelajuan tinggi di 25 buah unit banglo di yang menempatkan pegawai-pegawai atasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Jalan Masjid Negeri
4.	<i>Smart Bus Stop (RFP)</i>	Menggalakkan rakyat Negeri Pulau Pinang menggunakan perkhidmatan bas kerana segala kemudahan telah disediakan.
5.	Projek Infrastruktur Telekomunikasi Integrasi Berkonsepkan Street Furniture	Menyeragamkan penggunaan <i>street furniture</i> sebagai pemancar telekomunikasi.
6.	<i>Smart Street Pole</i>	Mengoptimalkan penggunaan tenaga dengan kecekapan yang tinggi melalui pencahayaan pintar.
7.	<i>Penang Island Map (PiMap)</i>	Menyediakan platform untuk jabatan mengoptimumkan data GIS supaya data-data ini dapat dikongsi kepada orang awam
8.	<i>MBSP Call Centre</i>	Meningkatkan kecekapan pengurusan aduan MBSP selari dengan visi dan misi MBSP kearah Bandar pintar
9.	<i>Smart Monitoring System</i>	Meningkatkan perkhidmatan MBSP kepada penduduk Seberang Perai untuk menyalurkan maklumat atau aduan hanya di hujung jari.

10.	Inisiatif Tanpa Tunai di Jabatan/Agensi Kerajaan	Menyediakan satu platform pembayaran yang mudah, cepat dan selamat kepada orang awam.
11.	Inisiatif Tanpa Tunai di seluruh Pasar Awam	Memberi kemudahan kepada orang awam dalam melakukan transaksi pembelian.
12.	Grab Pasar di Pasar Awam	Memberi perkhidmatan kepada orang awam dengan pelbagai makanan tempatan yang lebih berpatutan.
13.	<i>Smart</i> MBPP	Menggalakkan pengguna membuat bayaran secara atas talian.
14.	<i>Mesh Network with 6lowpan via Street Light</i>	Menyediakan pencahayaan pintar dengan lebih cekap menggunakan teknologi <i>Internet of Things</i> (IoT) melalui interaksi sistem telekomunikasi.
15.	Aplikasi Mudah Alih LPNPP	Menyediakan kemudahan permohonan rumah sewa Kerajaan Negeri, projek perumahan rakyat dan rumah mampu milik melalui penggunaan teknologi digital yang lebih efisien.
16.	<i>Smart Traffic Analytics and Recognition System</i> (STARS)	Mengesan kerosakan lampu isyarat dengan cepat dan penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan pantas.
17.	Analitis Data Raya: Pengurusan Bencana Banjir	Menyalurkan maklumat banjir kepada anggota jabatan/agensi terlibat.
18.	Bukit Mertajam Digital	Memantau masalah-masalah yang dihadapi di Bandar Bukit Mertajam secara lebih efisien.
19.	Digital@Seberang Perai	Memberi pendedahan kepada komuniti berkenaan perkhidmatan-perkhidmatan yang dilaksanakan secara dalam talian yang disediakan oleh MBSP dan agensi kerajaan.
20.	MBSP <i>livechat</i>	Sistem bantuan pelanggan secara interaktif bagi menyelesaikan isu berkaitan perkhidmatan MBSP

21.	<i>Sistem I-Collect</i>	Sistem pembayaran dan pengutipan sisa buangan secara dalam talian dengan penggunaan QRCode.
22.	<i>Robust and Green Data Center</i>	Mengurangkan penggunaan tenaga, penjimatan kos jangka Panjang dan mendapatkan fasiliti ICT tanpa gangguan.
23.	<i>Pearl - One Touch Penang</i>	Gerbang tunggal pembayaran perkhidmatan-perkhidmatan MBPP melalui kolaborasi platform e-Wallet.
24.	<i>Smart Island Digital Twin</i>	<p>Fasa 1: (2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• PiMAP data.</li> <li>• Pembelian <i>Hardware</i></li> <li>• <i>Datacenter</i> (PDSA Kulim)</li> </ul> <p>Fasa 2: (2024-2025)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelian <i>Hardware</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ <i>Weather Station Installation</i> (26 Unit)</li> <li>➢ <i>Drone</i> (2 Unit)</li> <li>➢ <i>Ipad</i> (20 Unit)</li> </ul> </li> <li>• <i>Module Development</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ <i>Heritage Risk Dashboard</i></li> <li>➢ <i>Flood Damage Assessment</i></li> <li>➢ <i>Road Capacity Analytics</i></li> <li>➢ <i>Flood Forecasting and Warning System</i></li> <li>➢ <i>Tax Collection Dashboard</i></li> <li>➢ <i>Geo-Notice Dashboard</i></li> <li>➢ <i>Licensing Dashboard</i></li> <li>➢ <i>Penang TreemInventory System</i> (PETIS)</li> <li>➢ <i>Development e-Submission System</i></li> <li>➢ <i>3D CityMap</i></li> </ul> </li> </ul>
25.	<i>Seberang Perai Geoportal (SPGIS)</i>	Sistem web geografi yang membekalkan maklumat (GIS) berkomputer yang akan memaparkan maklumat berpeta di mana setiap lapisan data ruang dapat dipaparkan dan pengguna boleh

		mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan cepat.
26.	Aplikasi Digital MYKADUN	MyKADUN yang berkonsepkan " <i>Digital Integrated Service Centre</i> " dan " <i>No Wrong Door Policy</i> " membolehkan aplikasi ini berfungsi sebagai perantara ke saluran aduan Pihak Berkuasa Tempatan (e-aduan) yang membolehkan rakyat mendaftarkan sebarang aduan dan membuat semakan status aduan tersebut.
27.	<i>MBSP Makerspace</i>	Untuk melatih pelajar mempraktikkan kemahiran insaniah yang diperlukan untuk berjaya di masa hadapan, seperti kreativiti, kolaborasi, komunikasi dan pemikiran kritis.
28.	INFLOS	Sistem ini bertujuan untuk memantau paras air dan rumah pam di bawah pengendalian MBSP.
29.	Tempat Letak Kereta Pintar Pulau Pinang (PSP)	Projek PSP telah dibangunkan oleh Syarikat Heitech Padu Berhad dan fasa pertama telah dilancarkan secara projek perintis melibatkan 36,000 TLK di seluruh negeri Pulau Pinang. (MBPP: 12,000 TLK, MBSP: 24,000 TLK).
30.	<i>Seberang Perai GIS Map</i>	Sistem ini dibangunkan bagi menyediakan platform berdasarkan platform (ESRI) bagi mengoptimumkan data GIS supaya data-data ini dapat dikongsi bersama jabatan dalam membuat carian maklumat, informasi dan perancangan MBSP.
31.	<i>MBSP Databank</i>	Sistem <i>Databank</i> berpusat MBSP bagi tujuan pemantauan dan maklumat secara grafik bagi memudahkan pengenalanpastian isu-isu MBSP.
32.	<i>MBSP Chat Bot Aspire</i>	Sistem interaksi <i>chatting</i> secara automatik bagi mendapatkan maklumat dan pembayaran seperti cukai taksiran, kompaun, sewaan dan perlesenan dengan tepat dan cepat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

15. Bolehkah Kerajaan Negeri selaraskan had kelajuan Jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu pada had 80 km/j dan bukan seperti sekarang yang mana ada bahagian jalan had kelajuan adalah 70 km/j?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Penetapan had kelajuan di jajaran lebuh raya adalah ditentukan berdasarkan kepada reka bentuk dan geometri jalan.

Bagi penetapan had laju lebuh raya, kerajaan menggunakan Peraturan 85 Peratus, iaitu had laju maksimum adalah ditetapkan pada 85% daripada had laju reka bentuk. Sebagai contoh, Lebuhraya Utara Selatan adalah direka bentuk dengan had laju reka bentuk (design speed) 130 km/j tetapi had laju maksimum yang dibenarkan ialah 110 km/j.

Sehubungan dengan itu, had kelajuan di Jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong adalah ditetapkan dengan had kelajuan 70km/j berdasarkan reka bentuk jalan yang direka dengan had kelajuan 100km/j iaitu 85% daripada had laju reka bentuk.

Penyelarasan had laju tanpa mengambil kira reka bentuk jalan / lebuhraya tersebut akan membahayakan nyawa pengguna jalan raya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

16. Adakah Kerajaan Negeri akan membina *plant* Loji Sisa Kepada Tenaga (WtE) untuk menyelesaikan masalah sisa pepejal dan memanjangkan hayat Tapak Pelupusan Pulau Burung?
- (a) Apakah rintangan dan kekangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek WTE ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bercadang untuk membangunkan *Loji Waste to Energy* (WTE) di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) menggunakan teknologi berkonsepkan sifar sisa. Pembinaan WTE tersebut dapat menyelesaikan masalah sisa pepejal dan pada yang sama dapat memanjangkan hayat Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB). WTE tersebut sepatutnya dibuka melalui proses *Request For Proposal* (RFP) pada bulan Mac 2024 yang lalu namun proses tersebut terhenti disebabkan oleh proses kajian dan rundingan bersama Kerajaan Persekutuan bagi menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di negeri ini. Sama ada Akta 672 diterima pakai atau tidak, Projek WTE akan tetap dilaksanakan di TPSPB bagi mewujudkan pengurusan sisa pepejal yang efisien, kos efektif dan lestari di negeri ini.
- (a) Rintangan dan kekangan Kerajaan Negeri dan PBT untuk melaksanakan projek WTE adalah seperti berikut:

- (i) Kos pembinaan loji yang mahal;
- (ii) Kos operasi Loji WTE dianggarkan melebihi RM90.00 bagi setiap tan sampah;
- (iii) Tiada sumber rujukan dalam negara yang boleh dijadikan contoh kerana WTE masih belum berkembang dan terbukti di dalam Malaysia;
- (iv) Tiada kepakaran menggunakan WTE bagi komposisi sampah di Malaysia; dan
- (v) Tiada bantuan atau geran daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek WTE.



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

17. Nyatakan statistik penambahan pelancong dari negara China, India dan Negara Timur Barat setelah pelaksanaan dasar pengecualian visa mulai 1 Disember 2023.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Dasar pengecualian visa telah dilaksanakan mulai 1 Disember 2023. Statistik pertambahan pelancong dari negara China, India dan Negara Asia Barat ke Pulau Pinang bagi tempoh empat (4) bulan sebelum dan selepas pelaksanaan dasar pengecualian visa menunjukkan *trend* peningkatan seperti di **JADUAL 1**. Angka tersebut merujuk kepada ketibaan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Angka ini belum mengambil kira ketibaan pelancong ke Lapangan Antarabangsa lain di Malaysia dan kemudiannya sampai ke Pulau Pinang melalui penerbangan domestik atau melalui darat.

**JADUAL 1** : Perbandingan Bilangan Pelancong Mengikut Negara Sebelum dan Selepas Dasar Pengecualian Visa Dilaksanakan

Negara	Bilangan Pelancong		
	Ogos - November 2023	Disember 2023 - Mac 2024	Peratus Peningkatan (%)
China	16,994	25,468	<b>49.86</b>
India	2,656	3,798	<b>43.00</b>
Asia Barat	1,040	1,422	<b>36.73</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

18. Rumah Agam Syed Al-Attas telah siap dibaik pulih pada tahun 2022. Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap rumah agam ini supaya ianya tidak dibiarkan begitu sahaja?.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Rumah Agam Syed Al-Attas merupakan premis milikan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan penggunaan bangunan ini adalah tertakluk kepada perancangan pihak Majlis.

MBPP telah meluluskan penyewaan premis Rumah Agam Syed Al-Attas (No. 128, Lebuhr Armenian) kepada Tetuan George Town Festival bagi tujuan pejabat dan pusat informasi George Town Festival.

Rumah Agam ini telah dikenal pasti sebagai bangunan warisan kategori 1 dan terletak di dalam kawasan teras Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Justeru sebarang pemajuan dan penggunaan premis ini hendaklah tidak menjejaskan keaslian struktur asalnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

19. Apakah rancangan MAINPP untuk menghidupkan semula kedai-kedai kosong yang telah dibiarkan begitu lama di sekitar kawasan Masjid Lebuh Aceh?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Premis komersial wakaf milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang terdapat di kawasan Lebuh Aceh, George Town terdiri daripada 19 unit iaitu 9 unit kedai/pejabat dan 10 unit bazaar. Secara keseluruhannya, unit-unit ini telah ditawarkan kepada penyewa-penyewa. Jenis-jenis perniagaan yang dijalankan di kawasan berkenaan adalah seperti kedai gunting rambut, kedai minuman, pejabat firma guaman, kedai lukisan batik, kedai cenderamata dan galeri haji.

MAINPP melalui anak syarikatnya Wakaf Pulau Pinang telah merancang untuk menghidupkan semula kedai-kedai di sekitar kawasan Masjid Lebuh Aceh sebagai *flea market* sejajar ke arah memastikan pembangunan yang dilaksanakan ini terus berdaya maju, maka pihak Wakaf Pulau Pinang telah menjalinkan kerjasama dengan beberapa pihak berkepentingan seperti Jawatankuasa Qaryah Masjid Melayu Lebuh Aceh, Badan Warisan Masjid Melayu Lebuh Aceh dan penganjur acara dalam usaha untuk mewujudkan Pembangunan Muslim Enklaf sebagai satu identiti pembangunan umat Islam melalui pengurusan Wakaf.

Wakaf Pulau Pinang juga telah mengadakan perbincangan bersama pihak penganjur Pasar Jalan Pasola, Parit Buntar, Perak bagi menghidupkan kawasan sekitar Masjid Lebuh Aceh dengan

menyediakan ruang tapak perniagaan berkonsepkan pasar jalanan bagi menarik lebih ramai usahawan tempatan sekaligus mampu menghidupkan kawasan tersebut.

Pemilihan konsep perniagaan yang bersesuaian bagi Kawasan Masjid Lebuh Aceh dilihat sangat penting sebagai titik fokus mengerakkan aktiviti keseluruhan Masjid Melayu Lebuh Aceh yang seterusnya mampu menghidupkan suasana pengimaran Masjid Melayu Lebuh Aceh. Pada masa yang sama, ianya diharap dapat menjana pendapatan kepada peniaga yang terlibat.

Pihak Jawatankuasa Qaryah Masjid Melayu Lebuh Aceh dan Badan Warisan Masjid Melayu Lebuh Aceh juga telah menganjurkan pelbagai aktiviti dan program bagi menarik lebih ramai pengunjung tempatan dan luar negara ke kawasan Masjid Melayu Lebuh Aceh.

Butiran premis jenis perniagaan dan kadar sewaan adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

**SENARAI PREMIS JENIS PERNIAGAAN DAN KADAR SEWAAN**

<b>BIL</b>	<b>ALAMAT PREMIS</b>	<b>JENIS PERNIAGAAN</b>	<b>KADAR SEWAAN (RM)</b>
1	ISLAMIC OUTREACH ABIM 47, LEBOH ACHEH	PEJABAT	665.00
2	SON & DAD BARBERSHOP 49, LEBOH ACHEH	KEDAI GUNTING RAMBUT	1,000.00
3	MUNEER BIN MOHAMMAD FARID 51, LEBOH ACHEH	FIRMA GUAMAN	476.00
4	NOOR ENTERPRISE 53, LEBOH ACHEH	KAFE	550.00
5	DAD MY LOVE BARBERSHOP 53-A, LEBOH ACHEH	KEDAI GUNTING RAMBUT	1,000.00
6	MOHMAED ARIFFIN 55, LEBOH ACHEH	KEDAI MAKAN	1050.00
7	NO.77-G, LEBOH ACHEH (AKAN DIBUKA)	KEDAI MAKAN (SHAWARMA)	650.00
8	MYDIN ELEKTRIK 77-G1, LEBOH ACHEH	MENJUAL BARANG ELEKTRIK TERPAKAI	300.00
9	MARDIANA BT ALI 79-G, LEBOH ACHEH	KEDAI MAKAN ( CORN DOG)	300.00
10	AZIMAH MOHAMMAD ARIFF 79G-1, LEBOH ACHEH	PEJABAT	220.00
11	HUSNI UZAIR 81-G, LEBOH ACHEH	MENJUAL ALAT PERKHEMAHAN	260.00
12	HUSNI UZAIR 81-G1, LEBOH ACHEH	MENJUAL ALAT PERKHEMAHAN	230.00
13	NO.81A, LEBOH ACHEH (AKAN DIBUKA)	MENJUAL CENDERAMATA	650.00
14	ROZANA MOHAMMAD 81 B, LEBOH ACHEH	MENCANTING BATIK	430.00

**LAMPIRAN A – ID233**

<b>BIL</b>	<b>ALAMAT PREMIS</b>	<b>JENIS PERNIAGAAN</b>	<b>KADAR SEWAAN (RM)</b>
15	ROZANA MOHAMMAD 81 C, LEBOH ACHEH	MENCANTING BATIK	420.00
16	NORAINI NABI KHAN 81F-G, LEBOH ACHEH	MENJUAL CENDERAMATA	500.00
17	BAHAKHI MOHAMMAD 83, LEBOH ACHEH	SYARIKAT UMRAH & TRAVEL	1,100.00
18	ABDUL RAHIM 85, LEBOH ACHEH	SYARIKAT PENCETAKAN	910.00
19	YAYASAN ISLAM PP 87, LEBOH ACHEH	GALERI ISLAM	1050.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

20. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk merejuvenasi Tapak Pesta Sungai Nibong dan Tapak Ekspo Seberang Jaya?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

20. Tapak seluas 1.2519 ekar di atas lot 340, Tapak Ekspo, Seberang Jaya, Mukim 1, Daerah Seberang Perai Tengah telah diserahkan dengan bebanan (struktur) kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk tujuan pembangunan di kawasan tersebut.

Manakala, bagi Tapak Pesta pula, baru – baru ini telah dimaklumkan bahawa tapak ini adalah dalam perancangan untuk dijadikan sebagai depot operasi stokereta dan untuk dibangunkan bersama projek pembangunan bersepadu LRT Pulau Pinang dalam masa terdekat.

Walau bagaimanapun, pada ketika ini, Tapak Pesta masih di bawah milikan Kerajaan Negeri. Pelbagai program menarik sepanjang tahun anjuran Kerajaan Negeri dan sektor swasta yang telah dan akan dilaksanakan. Antaranya ialah Festival Ramadhan (9 Mac- 10 April 2024), Program Madani Rakyat Zon Utara 2024 yang telah dianjurkan pada 3-5 Mei 2024, Festival Warna bagi sambutan perayaan Holi, Pesta Pulau Pinang, lain-lain sewaan dewan serbaguna serta fasiliti untuk majlis serta program rasmi dan tidak rasmi.

Kesimpulannya, Tapak Pesta buat masa ini sentiasa dipenuhi dengan pelbagai program dan aktiviti yang menarik sepanjang tahun. Selain daripada Pesta Pulau Pinang, program-program ini

turut menyemarakkan lagi Tapak Pesta sebagai lokasi tumpuan umum di Pulau Pinang.



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

21. Kerosakan lif dan eskalator di Jejantas Octopus selalu berlaku dan mengambil masa beberapa minggu sehingga beberapa bulan untuk dibaiki.
- (a) Apakah penyelesaian MBPP untuk mengatasi masalah ini?
  - (b) Adakah MBPP boleh mencadangkan satu sistem untuk menangani isu-isu di Jejantas Octopus termasuk isu gelandangan dan kebersihan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerosakan lif dan eskalator di Jejantas Octopus seringkali berlaku disebabkan oleh perbuatan *vandalisme* oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Perbuatan *vandalisme* ini menyebabkan berlakunya kerosakan pada permukaan luaran jejantas (*cosmetic appearance*) seperti permukaan struktur atau cermin cembung dan dinding. Selain itu, perbuatan *vandalisme* ini turut menyebabkan berlakunya kerosakan yang major iaitu menjejaskan fungsi Jejantas Octopus. Kedudukan lokasi lif dan eskalator yang terletak di luar bangunan juga menjadi punca utama dan mengundang risiko terdedah kepada perbuatan *vandalisme*.
- (a) Langkah-langkah penyelesaian yang telah diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- (1) Pemantauan ke atas kerja-kerja penyelenggaraan lif dan eskalator secara berkala termasuk meminta pihak Syarikat Esignia Construction Sdn. Bhd. mengemukakan laporan penyelenggaraan secara bulanan kepada pihak MBPP untuk memantau masalah kerosakan lif dan eskalator di Jejantas Octopus;
  - (2) Pemasangan sebanyak sebelas (11) unit kamera CCTV di lokasi-lokasi yang dikenal pasti di dalam dan luar kawasan jejantas yang berupaya untuk mengesan sebarang unsur vandalisme yang berlaku untuk diambil tindakan selanjutnya oleh MBPP; dan
  - (3) Mengambil inisiatif mewujudkan kesedaran awam melalui keadah penampalan poster serta mengadakan kempen menentang unsur *vandalisme* dalam kalangan masyarakat.
- (b) Pada masa ini, MBPP hanya menggunakan *platform* sistem aduan MBPP untuk menerima aduan mengenai Jejantas Octopus. MBPP juga telah mewujudkan kumpulan *WhatsApp* yang terdiri daripada wakil MBPP, Ahli Majlis MBPP, pembantu kepada YB ADUN KOMTAR, wakil Syarikat Esignia Construction Sdn. Bhd. dan wakil Syarikat EITA Elevator Sdn. Bhd. bagi membincangkan sebarang isu atau aduan yang berlaku di jejantas untuk diambil tindakan oleh pihak MBPP selanjutnya. Selain itu, pihak polis turut menjalankan rondaan pada setiap hari di atas jejantas tersebut bagi mencegah sebarang aktiviti jenayah. MBPP juga melaksanakan pemantauan secara berkala dan melaporkan sebarang isu berkaitan gelandangan di Jejantas Octopus kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tindakan susulan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

22. Nyatakan rancangan jangka masa panjang untuk Pusat Transit Gelandangan.
- (a) Apakah rancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah gelandangan mental?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Pusat Transit Gelandangan telah mula beroperasi pada bulan Ogos 2023. Secara umumnya pengoperasian Pusat Transit Gelandangan ini lebih tertumpu kepada perkhidmatan menyediakan tempat tinggal secara sementara kepada golongan gelandangan. Namun, ianya tidak menghalang pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mensasarkan rancangan jangka masa panjang bagi Pusat Transit Gelandangan seperti berikut:
- (i) Meningkatkan jumlah bilangan Badan Bukan Kerajaan (NGO)/ Tokoh-Tokoh Individu (NGI) yang bekerjasama dengan Pusat Transit Gelandangan dalam menyumbangkan makanan yang siap dimasak, keperluan asas seperti barangan mandian, peralatan dan menjalankan program yang memberi manfaat kepada penghuni Pusat Transit Gelandangan.
- (ii) Menjadikan Pusat Transit Gelandangan sebagai salah satu hub bagi syarikat-syarikat swasta mencari tenaga buruh dalam program pepadanan kerja bagi penghuni yang dijalankan pihak Pusat Transit Gelandangan.

- (iii) Menyediakan perkhidmatan tempat tinggal kepada golongan gelandangan yang lebih selesa mengikut keperluan gelandangan tersebut.
  - (iv) Membantu gelandangan tersebut untuk keluar daripada kelompok gelandangan itu sendiri dengan membantu dari segi pekerjaan dan memberi kemahiran yang boleh menjadikan sumber pendapatan buat gelandangan tersebut.
- (a) Berdasarkan Akta Orang Papa 1977 [Akta 183], Prosedur Tetap Operasi Tindakan Mengambil Orang Papa tidak terpakai bagi keadaan seperti berikut :-
- (i) Kes orang papa yang disyaki berpenyakit mental;
  - (ii) Kes orang papa yang disyaki mempunyai masalah kesihatan kronik atau penyakit berjangkit;
  - (iii) Kes orang papa yang bukan warganegara;
  - (iv) Kes orang papa pemegang kad United Nations High Commission for Refugees (UNHCR);
  - (v) Kes orang papa yang disyaki penagih dadah; dan
  - (vi) Kes kutipan derma tanpa kelulusan

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil pendekatan proaktif dengan mengadakan perjumpaan bersama Pengarah Hospital Besar Pulau Pinang untuk membincangkan isu gelandangan mental. Pihak hospital akan memberi kerjasama yang sewajarnya dalam menangani masalah ini. Oleh itu, sekiranya terdapat kes gelandangan mental yang mengganggu ketenteraman awam, pihak PDRM boleh mengambil tindakan untuk menangkap individu tersebut dan seterusnya mengurus dengan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mewujudkan satu jawatankuasa bersama inter-agensi untuk membincangkan dan mendapatkan kaedah pelaksanaan operasi penguatkuasaan yang lebih jelas di peringkat negeri. Jawatankuasa ini akan melibatkan agensi-agensi berikut:

- (i) Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- (ii) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
- (iii) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
- (iv) Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang
- (v) Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- (vi) Majlis Bandaraya Seberang Perai

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

23. Adakah semua lampu jalan MBPP telah ditukar kepada LED?
- (a) Nyatakan statistik yang menunjukkan penjimatan bayaran bil elektrik selepas penukaran lampu jalan konvensional kepada LED.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah mencapai 100% penukaran lampu jalan jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) ke lampu jalan jenis *light emitting diode* (LED) iaitu sebanyak 33,101 unit.
- (a) Statistik penjimatan bayaran bil elektrik selepas penukaran lampu jalan konvensional ke LED adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah bayaran bil (RM)</b>
2016	7,002,519.43
2017	6,086,134.56
2018	5,707,411.80
2019	5,579,402.49
2020	4,934,896.10
2021	3,419,011.79
2022	4,197,634.12
2023	6,585,922.45

Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, peningkatan bil elektrik telah berlaku yang disebabkan oleh caj *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)* oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu tambahan sebanyak RM0.20 bersamaan dengan 0.192/kWh.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

24. Nyatakan statistik Kadar Indeks Jenayah Negeri Pulau Pinang 2024 berbanding dengan tahun 2023.
- (a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menurunkan kadar jenayah siber dan *scam*?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

24. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang, statistik Kadar Indeks Jenayah Negeri Pulau Pinang bagi tempoh Januari - April 2024 berbanding tempoh yang sama tahun 2023 adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI JENAYAH	2023	2024	T/N	%
1	Bunuh	2	0	-2	-100.0%
2	Rogol	31	46	15	48.4%
3	Samun Berkawan Senjata Api	0	0	0	0.0%
4	Samun Berkawan Tanpa Senjata Api	69	66	-3	-4.3%
5	Samun Senjata Api	0	0	0	0.0%
6	Samun Tanpa Senjata Api	53	38	-15	-28.3%
7	Mencederakan	111	176	65	58.6%



8	Lain-Lain Kecurian	356	605	249	69.9%
9	Curi Motokar	42	53	11	26.2%
10	Curi Motosikal	198	248	50	25.3%
11	Curi Van / Lori / Jentera Berat	2	15	13	650.0%
12	Pecah Rumah	224	271	47	21.0%
<b>JUMLAH KESELURUHAN JENAYAH</b>		<b>1088</b>	<b>1518</b>	<b>430</b>	<b>39.5%</b>

- (a) Bagi memastikan kadar jenayah siber dan *scam* menurun, pihak PDRM Pulau Pinang telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:
- (i) Menganjurkan kempen-kempen pencegahan jenayah komersial kepada orang ramai melalui aktiviti sembang santai, *meet and greet*, ceramah-ceramah kepada orang awam dan jabatan-jabatan kerajaan serta pameran-pameran jenayah komersial. Selain itu, hebahan-hebahan melalui media sosial turut diadakan misalnya melalui siaran di laman *Facebook* dalam *page* PDRM Pulau Pinang bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang jenayah siber. Sehingga April 2024, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil telah melaksanakan sebanyak 212 jumlah kempen pencegahan; dan
  - (ii) Usaha sama antara PDRM bersama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta institusi kewangan dan industri telekomunikasi telah mewujudkan National Scam Response Centre (NSRC) juga merupakan antara langkah yang telah diambil bagi menangani masalah jenayah siber dengan lebih pantas.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

25. Adakah Mutiara Food Bank akan memperkenalkan lebih banyak inisiatif baru untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan? Nyatakan inisiatif-inisiatif baru yang sedang dirancang.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Dua inisiatif baharu yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Mutiara Foodbank adalah dengan mewujudkan Tabung Makanan Kerajaan Negeri dan Program Pemberian Makanan Percuma (Program Kenduri Manfaat Rakyat).

- (a) **Tabung Makanan Kerajaan Negeri** merupakan satu bentuk tabung makanan yang memberi manfaat kepada rakyat dan mengandungi dua (2) program utama iaitu:

(i) **Gerobok Rezeki**

Buat masa ini, sumber bahan makanan atau bahan mentah diperolehi melalui Badan Korporat seperti Food Aid Foundation, Motorola Solution, Stonyhurst International School dan Hard Rock Hotel. Kini, Gerobok Rezeki memberi peluang kepada orang perseorangan untuk memberi sumbangan. Seterusnya, makan/ bahan mentah ini akan dijadikan bakul makanan untuk disumbangkan kepada golongan yang memerlukan.

(ii) **Infak RM1**

Berbentuk program kolaborasi bersama Badan Bukan

Kerajaan (NGOs) bagi kutipan dan pengumpulan dana. Dana tersebut akan digunakan untuk penyediaan makanan secara retort. Ini bagi memastikan keterjaminan makanan yang dimasak tidak rosak dan tahan lama. Kaedah penyediaan makanan yang diretort ini dapat disediakan dengan mudah dan boleh dimakan pada bila-bila masa. Makanan tersebut hanya perlu direndam dalam air panas sahaja. Kaedah ini dapat mengelakkan pembaziran makanan. Makanan yang diretort ini akan dikumpul dan disimpan sebagai tabung makanan Kerajaan Negeri dan akan diedarkan mengikut keperluan dan permintaan dari masa ke semasa.

Namun, makanan yang melalui proses retort ini perlu dipantau dan disahkan selamat melalui pakar yang terlatih (*Food Tech*) yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kajian dan penelitian perlu dilaksanakan dengan teliti bagi membolehkan sebelum inisiatif ini dapat dimuktamadkan.

(a) **Program Kenduri Manfaat Rakyat**

Mutiara Food Bank akan terus bekerjasama dengan NGOs bagi mendapatkan dana untuk kos penyediaan makanan hanya pada kadar RM 4.00 bagi satu set makanan. Set makanan tersebut akan dibuat edaran ke lokasi yang telah ditetapkan secara *mobile*.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

26. Apakah rancangan kerajaan untuk menaik taraf semua stesen bas agar dapat memberi keselesaan kepada para pengguna?
- (a) Adakah pihak kerajaan akan memudahkan pengguna untuk mengetahui laluan bas seperti menamakan stesen bas dan memaparkan nombor bas-bas yang akan berhenti di stesen tersebut serta memastikan setiap bas dipaparkan peta laluan bas?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Rapid Penang Sdn. Bhd. sentiasa bekerjasama bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam dengan menambah baik efisiensi, keselesaan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur di terminal, hab dan perhentian bas. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf stesen bas secara berperingkat. Contohnya adalah seperti kerja-kerja menaik taraf stesen bas di Terminal (A) Rapid Penang di Pengkalan Weld dan terminal tambahan iaitu Terminal (B) yang telah siap dibina pada 16 Disember 2014 bagi menampung permintaan dan peningkatan bilangan bas yang beroperasi. Selain itu, terdapat hab-hab bas baharu yang telah dibina di Balik Pulau, Bayan Baru, Bandar Baru Air Hitam dan Teluk Bahang. Di samping itu, Kerajaan Negeri turut membenarkan Rapid Penang Sdn. Bhd. menggunakan tanah kerajaan untuk dijadikan sebagai depoh dan

tempat simpan bas (*holding area*) di Sungai Nibong memandangkan terdapat peningkatan bilangan bas yang beroperasi di syarikat itu.

- (a) Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT dan Rapid Penang Sdn. Bhd. telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memudahkan pengguna mengetahui laluan-laluan bas awam yang beroperasi. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Mendirikan papan tanda elektronik yang mempunyai paparan maklumat ketibaan bas di pondok perhentian bas di kawasan pulau, Pulau Pinang. Sebanyak 32 buah papan tanda elektronik ini telah disediakan di pondok-pondok perhentian bas yang mempunyai bilangan pengguna dan penduduk berkepadatan tinggi;
  - (ii) Mensyaratkan kepada pihak syarikat pemaju untuk menyediakan pondok perhentian bas pintar (*Smart Bus Stop*) bagi pemajuan-pemajuan baharu di jalan-jalan yang mempunyai aliran lalu lintas yang tinggi. Pondok perhentian bas pintar (*Smart Bus Stop*) yang dibina oleh pemaju perlu mempunyai kemudahan-kemudahan seperti Internet WIFI, Televisyen Litar Tertutup (*Closed-Circuit Television*), Butang Panik (*Panic Button*), Pod Mengecas USB (*USB Charging Pod*), *Passenger Information System* (PIS) dan Skrin Digital;
  - (iii) Membangunkan satu (1) aplikasi *journey planner* yang dinamakan PULSE. Aplikasi ini membantu orang awam mendapatkan maklumat laluan bas serta masa ketibaan dan pelepasan bas di setiap perhentian bas; dan
  - (iv) Bekerjasama dengan Syarikat Google (Malaysia) bagi menyediakan maklumat laluan bas dan perjalanan bas melalui aplikasi *Google Maps*. Dengan adanya aplikasi *Google Maps* ini, orang awam yang menggunakan perkhidmatan bas awam dapat merancang perjalanan mereka dengan lebih awal dan selesa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(IX)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

27. Adakah Kerajaan Negeri akan bercadang untuk meluaskan Program Khidmat Bantu di Rumah di peringkat Kerajaan Negeri?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Program Khidmat Bantu di Rumah (Home Help Services) merupakan perkhidmatan sokongan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) di rumah. Program ini bertujuan menyemarakkan perkembangan kesukarelawanan (volunteerism) yang lebih tersusun dan berkesan dalam masyarakat. Penglibatan sukarelawan dalam kerja-kerja komuniti melalui Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) dapat melancarkan proses pemeraksanaan komuniti menerusi penglibatan aktif komuniti secara sukarela untuk pembangunan dan kesejahteraan bersama. Mekanisme ini bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi perkhidmatan berbentuk *community for community* (K4K) bagi tujuan membina integrasi sosial di kalangan komuniti setempat secara holistik.

Program KBDR yang dibentuk melalui pendekatan pendampingan sosial (social outreach) merupakan projek di bawah inisiatif NBOS7 - *1Malaysia Family Care*. Program ini bermula pada Julai 2012 yang dilaksanakan secara kerjasama strategik antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK).

Pelaksanaan KBDR ini memenuhi 4 kriteria utama NBOS iaitu *low cost, high impact, rapid execution dan sustainable* untuk memastikan perkhidmatan ini benar-benar memberi manfaat kepada kumpulan sasar selaras dengan prinsip *value for money*.

Program ini bukan sekadar memberikan perkhidmatan sokongan sosial kepada klien, tetapi ia juga merupakan perkhidmatan pemulihan, penjagaan dan pengintegrasian klien yang dilakukan oleh sukarelawan dalam komuniti. Menerusi pelaksanaan program ini, ianya dapat mengurangkan kemasukan warga emas dan OKU ke institusi-institusi kebajikan kerajaan, swasta dan NGO sekali gus menyokong usaha JKM dalam menjayakan Program *Deinstitutionalisation (DI)*.

Khidmat bantuan yang boleh diberikan oleh Sukarelawan Kebajikan adalah seperti berikut (mengikut keperluan):

- (i) Menyediakan makanan dan minuman;
- (ii) Pembersihan diri (memandikan, memotong kuku, menyikat rambut dan sebagainya);
- (iii) Menjadi rakan berbual;
- (iv) Menjalankan aktiviti riadah;
- (v) Mengemas atau membersihkan tempat tinggal dan persekitaran;
- (vi) Membasuh, menyidai dan melipat pakaian;
- (vii) Mengeluarkan wang dari bank;
- (viii) Membuat pembayaran bil;
- (ix) Memberikan perkhidmatan fisioterapi berkeelayakan;
- (x) Memberi latihan praktikal tentang teknik-teknik penjagaan kepada penjaga;
- (xi) Memberi galakan dan latihan praktikal ke arah gaya hidup sihat;

- (xii) Membawa ke hospital/klinik untuk tujuan rawatan dan mengambil ubat;
- (xiii) Mengajar warga emas/OKU/penjaga mengambil ubat dengan betul;
- (xiv) Menemani warga emas dan OKU ke tempat beribadat; dan
- (xv) Bantuan lain yang dirasakan perlu.

Kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang berusaha untuk meluaskan Program KBDR dengan mewujudkan Program Sukarelawan Mutiara. Program ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa utama:

**Fasa pertama iaitu Fasa Perancangan**, akan melibatkan mesyuarat pada 18 Mac 2024 dengan pertubuhan bukan keuntungan seperti Tzu Chi Buddhist Association, Majlis Pertubuhan Kebajikan SeMalaysia (MPKSM), Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Penang Youth Development Corporation (PYDC) dan Penang Women Development Corporation (PWDC). Selain itu, sesi perbincangan antara agensi kerajaan seperti Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, pejabat penghulu, unit I-Sejahtera dan lain-lain agensi akan diadakan. Perjumpaan dengan syarikat korporat juga akan dilaksanakan untuk mendapatkan sumbangan bagi klien KBDR serta token untuk sukarelawan.

**Fasa kedua adalah Fasa Penstrukturan**. Pada fasa ini, garis panduan yang sesuai akan disediakan dengan penglibatan semua pihak bertanggungjawab (stakeholders). Ini penting bagi memastikan program berjalan dengan lancar dan berkesan.

**Fasa ketiga adalah Fasa Pelaksanaan**. Pada fasa ini, program akan dilaksanakan dan akan dinilai serta diperbaiki dari masa ke masa untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Bagi melaksanakan inisiatif ini dengan lebih efektif, penglibatan komuniti sukarelawan yang terdiri daripada warga emas aktif, anak muda dan wanita di KADUN masing-masing amat digalakkan.

Program Sukarelawan Mutiara dirancang dengan teliti melalui tiga fasa ini: perancangan, penstrukturan dan pelaksanaan. Ia



melibatkan pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan keuntungan, agensi kerajaan dan syarikat korporat. Dengan pendekatan yang teratur ini, kami yakin program ini dapat memberikan impak yang signifikan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada golongan yang memerlukan.